

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI ISNIN : 8 APRIL 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]
TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 1

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam menangani isu kanak-kanak dan warga emas yang dijadikan ejen meminta sedekah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti Pusat-Pusat Amal dan Rumah Kebajikan yang tidak berdaftar dengan pihak Kementerian sehingga golongan ini terabai kebajikan mereka terutamanya kanak-kanak sekolah sehingga terganggu proses pembelajaran mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menangani masalah berkaitan isu institusi-institusi tidak bertanggungjawab yang menggunakan kanak-kanak dan warga emas untuk mengutip dana atau meminta sedekah di tempat awam, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya:

i. Operasi Berjadual, Bersepadu dan Ad-hoc:

- a) Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis dan gelandangan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Agama Negeri.
- b) Apabila operasi bersepadu dijalankan, kanak-kanak akan diselamatkan berdasarkan kepada perenggan 17(1)(k), Akta Kanak-Kanak 2001 dan ditempatkan di tempat selamat. Manakala mereka yang mengeksploitasi kanak-kanak pula akan ditahan, disiasat dan didakwa di bawah seksyen 32 akta yang sama.
- c) Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan pula perlu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001(b) bagi memastikan mereka menjalankan pemeliharaan dan penjagaan yang sepatutnya demi kesejahteraan anak mereka.
- d) Berdasarkan Akta Orang Papa 1977, pengemis tempatan yang tidak mempunyai waris dan berumur bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD) untuk pemulihan selama tempoh tidak lebih 3 tahun manakala pengemis melebihi 60 tahun diberi perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).

SOALAN NO. 1

- e) Bagi pengemis bukan warganegara atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imegresen untuk tindakan mengikut bidang kuasa mereka.

ii. **Kempen “Bijak Membantu Elak Tertipu”:**

- a) Kempen ini dijalankan oleh JKM dengan tujuan menyampaikan mesej kepada masyarakat mengenai peranan mereka dalam menyalurkan sumbangan kepada saluran yang betul. Melalui kempen tersebut, orang ramai didedahkan tentang kepentingan sikap berhati-hati sebelum menderma atau bersedekah kerana khuatir sumbangan yang diberi jatuh ke tangan individu yang tidak sepatutnya yang mengambil kesempatan atas sikap prihatin masyarakat (kebanyakan sindiket).
- b) Orang ramai juga akan diberi penerangan bagaimana mereka boleh menyumbang melalui rumah kebajikan, pertubuhan amal atau sukarelawan kebajikan yang berdaftar dengan JKM.

iii. **Kerjasama JKM dengan Pihak Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Berhad:**

- a) Dalam usaha mencegah aktiviti eksploitasi terhadap kanak-kanak yang mengutip dana atau derma di hentian rehat dan rawat (R&R) di bawah syarikat tersebut, pihak PLUS telah bersetuju untuk membantu JKM menyelamatkan kanak-kanak tersebut dengan mengasingkan kanak-kanak berkenaan sementara menunggu ketibaan Pelindung iaitu Pegawai JKM yang diwartakan.

iv. **Kerjasama JKM dengan JAKIM:**

Pihak JAKIM telah pun meminta pihak berkuasa agama negeri untuk mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- a) penguatkuasaan secara bersepadu dipergiatkan lagi oleh pihak berkuasa agama negeri bersama agensi kerajaan bagi menahan pihak-pihak yang mengeksploitasi kanak-kanak;

SOALAN NO. 1

- b) mendaftarkan sekolah-sekolah agama, tahfiz dan anak yatim;
- c) memberi bantuan kewangan kepada pihak-pihak yang memerlukan;
- d) pemantauan dan pengawalan sekolah agama, tahfiz dan rumah anak-anak yatim;
- e) mengeluarkan larangan kanak-kanak sekolah agama dan anak yatim mengutip derma dan membuat jualan amal;
- f) penyelarasan dalam mekanisme memungut derma; dan
- g) publisiti dan kempen kesedaran agar masyarakat tidak mudah memberikan sumbangan kepada pihak-pihak yang tidak dikenali.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM
[BATANG LUPAR]
TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 2

Y.B. DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penyertaan golongan B40 dalam Skim MySalam yang membolehkan mereka mendapatkan perlindungan kesihatan dan adakah skim ini akan diperluaskan ke seluruh negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Rembau yang dijadualkan pada 11 April 2019 memandangkan ia melibatkan isu yang sama.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) di seluruh Malaysia yang berumur antara 18 hingga 55 tahun dan pasangannya layak untuk menjadi penerima skim MySalam. Seramai 3.8 juta golongan B40 dijangkakan layak untuk menjadi penerima skim ini. Skim ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, dan penerima yang layak boleh membuat tuntutan takaful mulai 1 Mac 2019 menerusi portal MySalam. Skim ini bertujuan mengurangkan bebanan golongan isi rumah B40 yang mudah terjejas akibat kejutan kewangan sekiranya berlaku kemasukan ke hospital atau penyakit kritikal yang tidak dijangka.
3. Golongan isi rumah B40 lebih terdedah kepada kejutan kewangan dan kehilangan pendapatan sewaktu menerima rawatan, terutamanya mereka yang bekerja sendiri atau dibayar gaji harian. Skim ini bukan merupakan perlindungan takaful kesihatan dan perubatan yang lazim disediakan oleh pengendali takaful berlesen. Ini adalah kerana wang tuntutan skim ini akan dibayar terus kepada penerima dan bukan kepada hospital atau klinik perubatan. Sehingga 4 April 2019, sebanyak 1,094 tuntutan telah diterima menerusi portal MySalam. Proses tuntutan oleh pengendali takaful skim akan dikendalikan dalam jangka masa dua minggu. Sebanyak 97 tuntutan berjumlah RM40,200 telah dibayar di mana 95 tuntutan untuk kemasukkan hospital dan 2 tuntutan untuk penyakit kritikal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kementerian akan mengedarkan benih padi RC 2 dan RC 8 hasil bertahun-tahun kajian UKM dan MARDI kepada rakyat dan bagaimanakah Kementerian akan tingkatkan lagi usaha menurunkan kadar penggunaan benih tidak sah oleh pesawah padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, varieti benih padi **UKM RC 2** dan **RC 8** telah **diisytiharkan sebagai varieti yang disyorkan untuk penanaman** pada 21 Februari 2019. Kedua-dua benih ini telah diedarkan kepada pesawah bermula pada bulan April 2019 bagi penanaman musim pertama tahun ini (Musim 1/2019).

Pengeluaran benih padi sah UKM-RC 2 dan UKM-RC 8 telah dimulakan pada Musim 2/2018 oleh MADA Corporation (MADACorp). Kuantiti benih yang dikeluarkan untuk UKM-RC 2 adalah sebanyak 120 metrik tan dan UKM-RC 8 sebanyak 80 metrik tan untuk diedarkan bagi Musim 1/2019. Jumlah pengeluaran benih UKM-RC 2 dan UKM-RC 8 adalah 3.5% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran benih padi negara. Kuantiti pengeluaran benih padi UKM-RC 2 dan UKM-RC 8 akan ditingkatkan pada masa akan datang sekiranya mendapat sambutan yang baik daripada petani.

SOALAN NO : 3

Antara langkah Kementerian untuk menurunkan kadar penggunaan benih tidak sah oleh pesawah adalah melalui sesi libat urus dan kempen penggunaan benih padi sah dengan melibatkan pelbagai agensi Kementerian seperti *Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)*, *Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)*, *Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)*, *Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)*, *Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)* dan *Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)*.

Pada 3 April 2019, saya (YB Menteri MOA) telah melancarkan kempen penggunaan benih padi sah peringkat nasional di Sg. Burong, Selangor dan akan menyusuli di peringkat negeri-negeri bagi meningkatkan kesedaran petani mengenai kepentingan menggunakan benih padi sah.

Kementerian juga sedang menggubal **Akta Benih Tanaman** bertujuan untuk mengawal dan menangani pengedaran benih padi tidak sah di pasaran. Kajian secara menyeluruh pengeluaran benih padi dari ladang, loji, ujian, benih, edaran benih dan stor simpanan benih perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah-masalah yang ada di sepanjang rantai pengeluaran benih.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : KUALA KRAI
TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah:

- (a) kerosakan jalan utama Gua Musang-Kuala Krai yang semakin teruk termasuk garisan putih yang telah padam; dan
- (b) masalah pencahayaan di kawasan-kawasan persimpangan utama dan kawasan tumpuan untuk mengelakkan kemalangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Mac 2019 telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk seluruh negara daripada RM610 juta peruntukan tambahan yang dipohon Kementerian Kerja Raya. Keutamaan akan diberikan kepada pembaikan jalan yang kritikal. Tambahan peruntukan akan disalurkan lagi oleh Kementerian Kewangan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kemampuan Kerajaan.

Bagi isu kerosakan jalan di laluan Gua Musang – Kuala Krai (**FT8**), melalui peruntukan tambahan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi program penyelenggaraan berkala pavemen pada tahun **2019**, sebanyak **RM 1 juta** telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan pavemen di laluan tersebut iaitu sebanyak **RM 400 ribu** bagi laluan Gua Musang – Kuala Krai (**seksyen 285.6 – 286.2**) dan sebanyak **RM 600 ribu** bagi laluan Kuala Krai – Machang (**seksyen 328.6 – 329.8**).

Bagi penyelenggaraan **bukan pavemen berkala 2019**, Kementerian Kerja Raya telah meluluskan kerja-kerja menaiktaraf longkang, menggantikan *guardrail* yang rosak dan membaikpulih *median kerb* yang melibatkan peruntukan berjumlah **RM 680 ribu**. Manakala bagi tahun **2018**, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan kerja-kerja mengecat semula garisan jalan di laluan Gua Musang – Kuala Krai (FT008), dari seksyen 189.28 ke seksyen 252.4 yang melibatkan kelulusan peruntukan sebanyak **RM 200 ribu**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan raya di negara ini, khususnya melibatkan lokasi atau **kawasan yang kerap berlaku kemalangan (Blackspot)**. Pada tahun **2018**, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan program **Blackspot** di laluan **Gua Musang –**

Kuala Krai (FT008) di dalam daerah Kuala Krai iaitu di seksyen 311.3 dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM215 ribu dan seksyen 318.5 dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM244 ribu.

Antara skop kerja program **Blackspot** ini adalah seperti mengecat semula garisan jalan, memasang pepaku jalan pantulan, memasang lampu jalan, memasang papan tanda amaran, menyediakan garisan jalan *transverse bar* dan memasang papan tanda peringatan kawasan kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan lampu jalan di Jalan Persekutuan adalah terhad di lokasi-lokasi strategik dan berisiko kemalangan seperti di persimpangan jalan, selekoh dan kawasan tumpuan ramai. Pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan Persekutuan akan melibatkan kos yang tinggi kepada Kerajaan. Oleh itu, faktor analisa kos faedah projek diambil kira secara keseluruhan semasa proses mereka bentuk sesuatu jalan itu bagi memastikan Kerajaan memperolehi nilai terbaik untuk wang (*best value for money*) daripada setiap peruntukan yang dibelanjakan.

Kriteria yang perlu diambil kira dalam menentukan keutamaan penyediaan lampu jalan mengikut garis panduan *Road Engineering Association of Malaysia Guidelines* (REAM GL) 2/2002 sub-seksyen 6.3 adalah seperti berikut:

1. Jumlah kemalangan yang tinggi/kerap pada waktu malam;
2. Aktiviti pejalan kaki dan melintas yang tinggi;
3. Mempunyai median/pembahagi jalan;
4. Kawasan persimpangan/akses utama;
5. Mempunyai isipadu kenderaan yang tinggi pada waktu malam; dan
6. Merupakan kawasan bandar/pekan/kampung (*developed area*).

Sekiranya terdapat kekangan peruntukan atau sesuatu lokasi tidak memenuhi kriteria di atas, penandaan *delineation* di lokasi berkenaan akan ditingkatkan bagi menggantikan sistem lampu jalan seperti;

1. Memasang *delineator post*;
2. Memasang pepaku jalan pantulan (*Road Studs*);
3. Memasang papan tanda *chevron* pada kawasan selekoh;
4. Memasang papan tanda jalan dan amaran yang bersesuaian; dan
5. Memastikan garisan jalan jelas kelihatan pada waktu malam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 5

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan kampus Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gambang, Pahang yang dilaporkan masih belum siap sempurna dan mempunyai banyak kecacatan serta apakah langkah Kementerian bagi memastikan Kampus UIAM Gambang, Pahang ini dapat disiapkan dengan lebih sempurna dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap kontraktor berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembangunan Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gambang dibina untuk memberi kemudahan pengajaran, pembelajaran dan penempatan kepada 5,000 orang pelajar dan 382 kakitangan dan pentadbiran.

Pembinaan pembangunan ini telah dilaksanakan melalui tiga (3) fasa pembinaan iaitu Fasa 1 yang melibatkan kerja-kerja tanah, Fasa 2 melibatkan pembinaan blok pentadbiran dan blok kolej kediaman pelajar dan Fasa 3 yang melibatkan pembinaan blok akademik dan kemudahan pelajar.

Sebanyak lapan (8) kali lawatan tapak (*join inspection*) telah dilaksanakan untuk mengenal pasti kerosakan utama terhadap bangunan dan juga kemudahan pelajar. Terdapat hanya tiga (3) *Major Non-Conformance* (NCR) sebelum ini iaitu berkaitan dengan kemudahan pelajar kelainan upaya (OKU). Kemudahan telah dibaiki oleh Konsesi Pusat Asasi Gambang (KPAG).

Kelulusan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan Surat Penerimaan telah diperolehi pada 1 Disember 2018. Pusat ASASI UIAM Gambang dijangka dapat beroperasi bagi kemasukan pelajar pada sesi akademik Jun 2019.

Sekian, terima kasih

RJM 25

SOALAN (6)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 APRIL 2019
[ISNIN]

DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH
[LENGGONG]

SOALAN :

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci unjuran ekonomi Malaysia untuk tahun ini dan apakah mekanisme penampakan ekonomi yang direncana Kementerian bagi mengelakkan krisis ekonomi.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) bagi tahun 2019 dijangka berkembang sebanyak 4.3%-4.8% berbanding 4.7% pada tahun lepas. Jangkaan pertumbuhan ini adalah selari dengan unjuran daripada pelbagai agensi luar seperti Asian Development Bank (4.5%), Bank Dunia (4.7%) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (4.6%).
2. Berdasarkan Laporan Tahunan 2018 yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi 2019 akan disokong oleh pertumbuhan domestik terutamanya permintaan sektor swasta yang kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta disasarkan berkembang 6.6%, manakala pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 4.9% pada 2019. Dalam masa yang sama, kesemua sektor ekonomi utama turut disasar mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 5.7% dan perkilangan sebanyak 4.8%. Kedua-dua sektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara iaitu dalam lingkungan 79% berbanding KDNK.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana disebabkan oleh faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah penutupan sementara operasi pentadbiran Amerika Syarikat paling lama dalam sejarah iaitu selama 35 hari bermula daripada 22 Disember 2018 sehingga 25 Januari 2019. Penutupan ini dijangka akan memberi impak kepada pertumbuhan negara tersebut dan secara tidak langsung memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia bagi suku pertama 2019. Selain itu, ketidakpastian dasar monetari Amerika Syarikat, kesan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan serta

ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih belum berakhir turut dijangka akan memberi kesan kepada ekonomi dunia dan seterusnya kepada ekonomi negara.

4. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat. Tumpuan akan terus diberi kepada pengukuhan asas-asas ekonomi sebagai penampan dalam mengukuhkan ekonomi negara bagi menghadapi sebarang krisis ekonomi melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:
 - a. Pertama: Memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
 - b. Kedua: Menggalakkan pelaburan berkualiti dengan menumpukan kepada pelaburan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, yang menggunakan teknologi tinggi serta yang berintensifkan pengetahuan. Ini sekaligus dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi;
 - c. Ketiga: Melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi. Ini termasuklah melalui penumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan dan pemodenan sektor pertanian;
 - d. Keempat: Mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbang pembayaran; dan
 - e. Kelima: Memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampanan dalam jangka sederhana.

5. Kerajaan yakin bahawa langkah-langkah ini dapat menyumbang kepada pengukuhan dan kemampanan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
8 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 7

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baru pembangunan semula bandar (urban renewal) untuk memudahkan pembangunan semula bangunan lama oleh pihak swasta seperti mana yang dilaksanakan di negara-negara seperti Hong Kong dan Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menjalankan satu kajian iaitu **Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (Urban Regeneration)**.

Panduan pelaksanaan ini disediakan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Pembaharuan semula bandar ditafsirkan sebagai “suatu program komprehensif dan bersepadu untuk tempoh jangka panjang bagi menangani isu kemelesetan ekonomi, keusangan fizikal, terbengkalai, usang, kawasan brownfield dan tidak ekonomik” yang diselaraskan dengan visi dan dasar pembangunan kerajaan yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta.

SOALAN NO : 7

Terdapat 4 kategori yang telah ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar iaitu:

1. Pembangunan Semula Bandar (Urban Redevelopment) - membangunkan semula keseluruhan tapak yang luas. Contoh : KL Sentral dan Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur;
2. Pemulihan Bandar (Urban Rehabilitation) - memulihkan semula sesuatu bangunan secara bersepadu dan komprehensif. Contoh : Taman Ikan Emas dan PPR Sri Labuan, Bandar Tun Razak;
3. Pemeliharaan Bandar (Urban Preservation) - memelihara semula tapak/ bangunan warisan dan bersejarah. Contoh : Kampung Morten, Melaka; dan
4. Penyegaran Semula Bandar (Urban Revitalisation) - menyegarkan semula sesuatu tapak lama, usang dan terbengkalai. Contoh : Kemayan City, Johor Bharu.

Namun dalam konteks Malaysia, sehingga kini tiada perundangan khusus bagi pelaksanaan pembaharuan semula bandar. Oleh itu, bagi memastikan pembaharuan semula bandar yang lebih berdaya laksana dan efektif, maka satu perundangan yang baru ke arah ini haruslah diwujudkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI
ZAKARIA [PARIT]**

TARIKH SOALAN : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan:-

- a) apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian kepada golongan usahawan dalam memperluaskan pasaran mereka ke peringkat antarabangsa; dan
- b) adakah terdapat sebarang bentuk kerjasama di antara Kementerian dan usahawan dalam mempertingkatkan kualiti produk mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam usaha membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memperluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa, pelbagai bantuan telah diberikan oleh Kementerian melalui agensi iaitu:

- a) **Program Going Export (GoEx)**

Program dalam bentuk geran bersamaan bagi membantu PKS yang bersedia menembusi pasaran eksport melalui pembiayaan sebanyak 50% daripada aktiviti dan perbelanjaan yang layak sehingga RM200,000.00. Sejak 2014, 287 PKS telah menyertai program ini, dengan 40 pasaran baharu telah diterokai dan potensi jualan eksport sebanyak RM503.8 juta.

- b) **Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)**

Sejak tahun 2016 sehingga Januari 2019, sejumlah 46 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM44 juta. Ia telah membantu PKS melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran di luar negara, peningkatan pembungkusan, pembangunan jenama dan pensijilan bagi piawaian antarabangsa, pembelian mesin dan modal kerja bagi memenuhi permintaan luar negara seperti Jepun, United Kingdom, Arab Saudi, Australia, Belanda dan Indonesia.

- c) **Latihan Keusahawanan**

- i. **Siri Latihan Pra-Eksport menerusi SME Corp. Malaysia**

Siri latihan ini dilaksanakan dengan kerjasama MARA, MATRADE, EXIM Bank dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memberikan pendedahan khusus berkenaan pemasaran ke luar negara seperti penyediaan pelan eksport, pengurusan barangan bersama JKDM dan pematuhan peraturan di luar negara. Sehingga Januari 2019, sejumlah 663 syarikat dari seluruh negara telah menyertai siri latihan ini.

ii. **Siri Latihan Keusahawanan menerusi Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)**

Bantuan berbentuk program *mentoring/coaching* seperti INSKEN Business Coaching dan Business Enhancement Program; serta kursus latihan teknikal perniagaan.

d) **Asean Centre for Entrepreneurship (ACE)**

Di bawah *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC), usahawan-usahawan telah disediakan program akses pasaran luar negara, pemadanan perniagaan, program akselerator perniagaan bertema (*thematic business accelerators program*) dan sebagainya. Melalui unit Asean Center for Entrepreneurship (ACE), MaGIC telah mewujudkan jaringan di semua negara ASEAN dalam ekosistem keusahawanan dan startups dan sebagai contoh usahasama dijalankan ialah "Startup Exchange Program".

Tuan Yang Dipertua,

2. Bagi tujuan membantu membangunkan dan meningkatkan kualiti produk-produk usahawan, pelbagai bentuk kerjasama di antara Kementerian dan usahawan telah dilaksanakan melalui pelbagai agensi seperti berikut:

a) **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)**

Dilaksanakan menerusi bantuan bersepadu dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi berkaitan di peringkat Negeri. Bantuan kewangan yang diberi adalah dalam bentuk geran bersamaan. Sehingga Januari 2019, sejumlah 1,995 kelulusan telah diberikan melibatkan geran berjumlah RM189.26 juta kepada PKS di seluruh negara.

b) **Khidmat Nasihat**

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh SME Bank untuk usahawan bagi membantu meningkatkan perniagaan seperti memberi khidmat nasihat untuk menguruskan kewangan syarikat, mencari pasaran baru, perkongsian maklumat ekonomi dan memberi cadangan bidang perniagaan yang boleh diceburi.

c) **Latihan Keusahawanan**

Kerjasama antara Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan usahawan dalam mempertingkatkan kualiti produk melalui program seperti berikut;

- i. Program berbentuk *coaching/mentoring* selama 4 bulan; dan
- ii. Kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek (2H1M) berbentuk *outcome-based*:

d) **Inovasi Keusahawanan**

Bagi mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan usahawan, *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC) telah melaksanakan program-program penyediaan minda seperti berikut:

- i. *Design Thinking* dan *Service Design* kepada usahawan-usahawan peringkat awalan (*startups*);
- ii. Untuk jangka panjang pula, MaGIC menjalankan pelbagai program yang menyasarkan impak dan inovasi seperti *Pre Accelerator*, *Global Accelerator Program* (GAP), yang fokus kepada pembangunan model perniagaan yang berdaya saing, mempunyai impak jangka panjang serta berdaya tahan (*sustainable*); dan
- iii. MaGIC juga menyediakan platform khidmat nasihat seperti *Mentorship Program*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 9

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan penjawat awam Gred KP19 dan KP22 di CIQ Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar memandangkan Kerajaan merancang untuk mengurangkan jumlah penjawat awam.

JAWAPAN

Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kluang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 5 April 2019 perincian jumlah perjawatan, pengisian dan kekosongan jawatan mengikut gred dan lokasi adalah seperti berikut. Bagi lokasi CIQ Bangunan Sultan Iskandar ataupun CIQ BSI, bagi jawatan Pegawai Imigresen KP19, Waran Perjawatan adalah sebanyak 1,045; pengisian jawatan sebanyak 1,006; kekosongan jawatan sebanyak 39 jawatan.

Bagi Pegawai Imigresen Kanan ataupun KP22, Waran Perjawatan sebanyak 186; pengisian jawatan sebanyak 170; dan kekosongan jawatan sebanyak 16. Bagi CIQ Kompleks Sultan Abu Bakar ataupun CIQ KSAB, bagi jawatan Pegawai Imigresen Gred KP19, Waran Perjawatan sebanyak 481; pengisian jawatan sebanyak 472; dan kekosongan jawatan sebanyak 9. Bagi jawatan Pegawai Imigresen Kanan ataupun KP22, Waran Perjawatan sebanyak 95; pengisian jawatan sebanyak 94; dan kekosongan jawatan adalah satu.

SOALAN NO : 9

Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Imigresen Malaysia sememangnya prihatin dan mengambil tindakan daripada semasa ke semasa untuk mengisi kekosongan perjawatan di kedua-dua lokasi berkenaan. Bagi tujuan tersebut, seramai 204 orang Pegawai Imigresen Gred KP19 Lantikan Baharu telah ditempatkan di Jabatan Imigresen Johor termasuk di CIQ BSI dan juga CIQ KSAB melalui dua sesi kemasukan iaitu pada 11 Februari 2019, dan 1 April 2019.

Terbaharu, sebanyak 48 perjawatan kosong di GIM Johor termasuk di CIQ BSI, dan CIQ KSAB akan diisi sebaik sahaja proses pengambilan Gred KP19, dan KP22 selesai dilaksanakan pada pertengahan tahun ini. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) sama ada Kerajaan berhasrat mengecualikan yuran peperiksaan SPM kepada semua calon SPM dari sekolah swasta termasuk sekolah menengah persendirian Cina demi menggalakkan lebih ramai calon dari sekolah swasta mengambil peperiksaan awam; dan
- b) adakah SPM akan dijadikan peperiksaan terbuka (*open examination*) yang mana pengambilan peperiksaan satu subjek sahaja dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman, satu mesyuarat telah diadakan pada 27 Februari 2019 melibatkan beberapa Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membincangkan perkara berkaitan yuran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk calon SPM warganegara dan calon SPM sekolah swasta termasuk sekolah menengah persendirian Cina. Mesyuarat tersebut memutuskan untuk mengadakan perbincangan lanjut bagi meneliti dan memperhalusi secara mendalam untuk melihat kesan dan implikasi terhadap pengurusan peperiksaan.
- b) SPM adalah peringkat pensijilan terbuka dengan minimum enam (6) mata pelajaran bagi calon kali pertama mendaftar yang diadakan mengikut jadual ditetapkan setiap tahun.

Sekian, terima kasih

RJM 132

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai klinik-klinik Kerajaan yang terletak dalam lingkungan 3km daripada kampung-kampung Orang Asli di Hulu Selangor serta rancangan untuk membina klinik baru bagi kampung Orang Asli di Hulu Selangor.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, terdapat 16 buah perkampungan Orang Asli di daerah Hulu Selangor (Sumber: JAKOA - Open Data MAMPU, 2019). Dari jumlah tersebut, terdapat sebanyak tiga (3) buah perkampungan Orang Asli yang terletak dalam lingkungan 3 km dari Klinik Kerajaan iaitu Perkampungan Orang Asli Tun Abdul Razak (1.5km) dan Perkampungan Orang Asli Kolam Air (2.5km) ke Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kuala Kubu Baru dan Perkampungan Orang Asli Cangkat Bintang (3km) ke Klinik Desa Kuala Slim, Perak. Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia turut menyediakan perkhidmatan Klinik Bergerak ke 13 buah perkampungan Orang Asli di Hulu Selangor. Klinik Bergerak ini menawarkan perkhidmatan Pesakit Luar dan Penjagaan Kesihatan Ibu dan Anak dengan kekerapan lawatan sekurang-kurangnya setiap empat (4) minggu sekali.

Sebagai kesimpulan, perkhidmatan sedia ada masih dapat menampung keperluan Orang Asli di Hulu Selangor. Susulan itu, buat masa ini, belum ada keperluan untuk membina klinik kesihatan di perkampungan Orang Asli di sana.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHD SAID
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang kesahihan penambahan kamera Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) di lebuh raya. Jika ada, berapakah jumlah kamera AWAS yang ditambah dan kos yang terlibat bagi pelaksanaannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, tiada terdapat sebarang pertambahan atau pemasangan baharu kamera AwAS. Semua unit kamera sedia ada adalah merupakan kamera yang telah dipasang di bawah kontrak terdahulu di antara Kerajaan terdahulu dan dua (2) syarikat terlibat. Kedua-dua kontrak telah luput dalam bulan Ogos dan September 2018 yang lepas. Susulan itu, Kerajaan menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil alih pengurusan dan pengoperasian sistem penguatkuasaan AwAS mulai 1 September 2018.
2. Setakat semasa, terdapat empat puluh lima (45) kamera AwAS yang beroperasi iaitu 29 kamera had laju dan 16 kamera lampu isyarat seperti pecahan mengikut negeri di bawah:-

	Negeri	Bil. Kamera
1.	Johor	4
2.	Melaka	4
3.	Selangor	6
4.	Kedah	7
5.	Pulau Pinang	1
6.	Perak	15
7.	N. Sembilan	2
8.	Terengganu	2
9.	Kelantan	2
10.	WP Kuala Lumpur	1
11.	WP Putrajaya	1

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
KAWASAN : KALABAKAN
TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha yang telah diambil atau bakal dilakukan secepat mungkin oleh Kementerian dengan kerjasama Kementerian Infrastruktur Sabah untuk menangani dan mengatasi isu-isu kerosakan jaringan jalan raya utama dan juga cerun-cerun runtuh di seluruh negeri Sabah yang sudah ke tahap kritikal di kebanyakan tempat sehingga banyak kemalangan maut di jalan raya berlaku disebabkan kondisi jalan yang teruk.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan dan Infrastruktur Sabah melalui JKR Sabah sebagai Wakil Kerajaan untuk mengurus pelaksanaan penyenggaraan Jalan Persekutuan oleh Syarikat Konsesi terutama bagi penyenggaraan rutin yang mana peruntukan disediakan oleh Kementerian Kerja Raya. Dalam masa yang sama JKR Sabah akan mengemukakan senarai-senarai kerja penyenggaraan berkala iaitu kerja pembaikan jalan.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima Kementerian Kerja Raya daripada Kementerian Kewangan untuk Negeri Sabah hanya meliputi skop penyenggaraan rutin sahaja. Peruntukan yang diterima ini tidak termasuk kerja penyenggaraan berkala pembaikan jalan. Kementerian Kerja Raya telah memohon peruntukan tambahan bagi penyenggaraan berkala. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Mac 2019 telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk seluruh negara daripada RM610 juta peruntukan tambahan yang dipohon Kementerian Kerja Raya. Keutamaan akan diberikan kepada pembaikan jalan yang kritikal termasuk di Sabah. Tambahan peruntukan akan disalurkan lagi oleh Kementerian Kewangan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kemampuan Kerajaan.

Manakala bagi penyenggaraan cerun di Jalan Persekutuan telah diperuntukan sebanyak **RM20 juta** kepada Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di mana sebanyak **RM10.5 juta** daripada **RM20 juta dianggarkan diperuntukkan** kepada Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya amat prihatin dan sentiasa komited bagi memastikan semua pengguna jalan raya berada dalam keadaan selamat dan selesa.

Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11) telah menyediakan

peruntukan di bawah program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya, di mana peruntukan ini digunakan untuk menaiktaraf dan merawat lokasi-lokasi kemalangan di jalan sedia ada. Skop program ini merangkumi pembinaan jejantas, lintasan searas pejalan kaki, dan rawatan lokasi berbahaya, dalam usaha mengurangkan jumlah kemalangan di Jalan Persekutuan.

JKR juga menjalankan Audit Keselamatan Jalan (RSA) sebagai pendekatan pencegahan bagi memastikan semua projek jalan memberi tahap keselamatan jalan yang baik dan praktikal kepada semua pengguna jalan. Ini bertujuan memastikan keperluan keselamatan bagi semua pengguna jalan diambilkira sewaktu perancangan, rekabentuk, pembinaan dan operasi sesuatu jalan. Pelaksanaan ini membolehkan tindakan pembetulan diambil terhadap isu-isu keselamatan jalan pada masa yang sesuai untuk mengelakkan kerja-kerja pemulihan diperlukan pada masa akan datang akan melibatkan kos dan masalah yang lebih rumit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah hasil sesi libat urus bersama agensi kerajaan, ahli akademik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) berhubung penggubalan Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender dan hasil kajian impak yang dijadikan panduan menggubal akta setakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan mewujudkan perundangan berkenaan kesaksamaan gender di Malaysia, Kementerian telah dan akan mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak seperti Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), JAKIM serta badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan penggubalan akta ini mengambil kira pandangan setiap pihak yang berkepentingan.

Hasil daripada sesi libat urus yang telah diadakan, satu kerangka perundangan kesaksamaan gender perlu digubal dengan mengambil kira Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), perundangan sedia ada di Malaysia seperti Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan dan juga beberapa contoh perundangan kesaksamaan gender di negara lain seperti Filipina, India dan Vietnam.

Kementerian turut telah menubuhkan satu *Special Project Team* Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender (SPT RUU GE) yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang tersebut diwujudkan mengambil kira aspek agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Kementerian berharap dengan pewujudan *Special Project Team* yang terdiri daripada wakil Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan / NGO / individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran berkenaan kesaksamaan gender ini dapat meneliti, menggubal dan menyediakan kerangka perundangan kesaksamaan gender di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan pencapaian pensijilan halal yang dikendalikan oleh JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri sejak ianya mula diperkenalkan sehingga sekarang dan apakah masalah-masalah yang timbul.

**JAWAPAN : (YB HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH, TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan melaksanakan sistem pensijilan halal Malaysia bagi membantu pengguna membuat pilihan dan mengenal pasti status halal sesuatu produk. Dalam masa yang sama ia turut memberi nilai tambah kepada para pengusaha dengan adanya logo Halal Malaysia. Pensijilan halal Malaysia terbuka kepada semua pemohon sama ada dimiliki oleh orang Islam mahu pun bukan Islam. Setiap produk yang telah dipersijilkan halal telah melalui pemeriksaan yang terperinci dengan memastikan setiap ramuan yang digunakan adalah halal. Manakala proses dan pengendalian dibuat dengan menepati kehendak syarak dan berdasarkan standard serta prosedur yang ditetapkan.

Pensijilan Halal Malaysia telah melalui beberapa fasa perkembangan sejak mula ia diperkenalkan pada tahun 1974 sehingga saat ini. Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), Perintah Perihal Dagangan (Penandaan dan Perakuan Halal) 2011 menamakan JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai Pihak Berkuasa Berwibawa bagi mengeluarkan sijil halal di Malaysia.

Bagi memantapkan tadbir urus pensijilan halal di Malaysia, penyeragaman pengurusan halal antara JAKIM dan JAIN telah dilaksanakan mulai tahun 2013. Inisiatif ini telah berjaya menyeragamkan penggunaan sijil, logo, standard dan prosedur. Ia juga termasuk perluasan penggunaan sistem MYeHALAL iaitu sistem pengurusan pensijilan halal yang komprehensif secara atas talian di seluruh Malaysia.

Pensijilan Halal Malaysia menawarkan dua kategori permohonan iaitu pensijilan halal domestik dan luar negara. Bagi permohonan domestik, terdapat lapan skim permohonan seperti berikut:

- i. Produk Makanan dan Minuman;
- ii. Premis Makanan;
- iii. Rumah Sembelihan;
- iv. Produk Farmaseutikal;
- v. Produk Kosmetik;
- vi. Produk Barang Gunaan;
- vii. Perkhidmatan Logistik (Penggudangan dan Pengudangan);
dan
- viii. Kontrak Pengilangan.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 7,293 permohonan pensijilan halal telah diluluskan oleh JAKIM/ JAIN. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5,440 (67%) permohonan adalah kategori produk makanan dan minuman, 1,712 (21%) permohonan premis makanan, permohonan produk kosmetik dan dandanan diri 284(4%), 168 (3%) 268(3%) permohonan produk farmaseutikal, 185 (3 %) bagi permohonan barang gunaan, 156 (2%)

permohonan rumah sembelih, 59(1%) permohonan perkhidmatan logistik manakala 13 permohonan bagi skim Kontrak Pengilangan.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 78,232 produk makanan dan minuman, 2,129 produk kosmetik, 1,418 produk farmaseutikal dan 2,808 barang gunaannya telah dipersijilkan halal. Rumah sembelihan turut tidak terkecuali dengan jumlah 242 rumah sembelihan telah dipersijilkan halal.

Bagi Pensijilan Halal Malaysia kategori luar negara, sejumlah 139 pemegang SPHM. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut adalah agak kecil kerana pensijilan halal luar negara hanya terbuka kepada syarikat berdaftar di Malaysia yang mengilangkan produk di luar negara dan menggunakan logo Halal Malaysia sahaja.

Perkhidmatan Pensijilan Halal Malaysia sentiasa komited membuat penambahbaikan proses pengeluaran SPHM bagi memastikan kualiti pengurusan Pensijilan Halal dapat dipertingkatkan dan memberi faedah kepada industri halal negara, di samping semangat menyantuni keperluan industri dalam membangunkan ekonomi negara melalui Halal Malaysia.

Bermula 1 Ogos 2016, inisiatif penambahbaikan SPHM mula dilaksanakan. Pada 21 Jun 2017, siri inisiatif baharu diperkenalkan dalam pelaksanaan penambahbaikan yang lebih efektif. Hasil penambahbaikan yang dilaksanakan ini telah membolehkan proses keputusan(kelulusan) bagi pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia(SPHM) dapat dibuat dalam tempoh masa satu (1) hingga tiga (3) hari.

Tempoh masa kelulusan walau bagaimanapun bergantung kepada jenis permohonan, antaranya bagi permohonan yang melibatkan produk tidak kritikal, tempoh kelulusan antara satu (1) hingga tiga (3) hari. Manakala bagi tempoh 14 hingga 30 hari adalah bagi permohonan yang melibatkan produk kritikal dan permohonan baharu. Implikasi ini adalah hasil daripada pengemaskinian aliran proses Pensijilan Halal Malaysia yang lebih sistematik.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, antara masalah yang dihadapi dalam Pensijilan Halal Malaysia adalah melibatkan isu ketidakpatuhan pemegang SPHM. Terdapat sesetengah pemegang SPHM setelah berjaya mendapatkan SPHM sering membuat acuh tidak acuh atau tidak komited terhadap prosedur SPHM. Antaranya kegagalan pemegang SPHM dalam aspek kebersihan dan keselamatan makanan, bekalan bahan mentah yang tidak mempunyai Sijil Halal. Dalam menangani isu ini, JAKIM telah melipatgandakan tindakan pemantauan terhadap pemegang SPHM.

JAKIM juga telah mengambil langkah menubuhkan team '*task-force Halal*' yang diberi tanggungjawab menjawab setiap persoalan pengguna berkaitan Halal Malaysia dengan sasaran maklum balas disediakan dalam tempoh empat (4) jam daripada penuliran bermula.

Di samping itu, laman-laman sosial ini juga dijadikan media penyebaran maklumat terkini kepada masyarakat seperti maklumat badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf, kenyataan media, Ilmu Halal Semasa serta Soalan Lazim (FAQ) Halal. Langkah ini diambil ekoran daripada situasi penuliran isu-isu halal melalui media baharu. Ia adalah antara kekangan yang kerap kali dihadapi oleh JAKIM yang secara tidak langsung berkait dengan pensijilan halal.

Setiap kali isu tular ini timbul, boleh dikatakan hampir keseluruhan isu yang tular adalah isu yang tidak sahih, mengandungi fakta-fakta yang salah dan menyimpang, bersifat persepsi atau fitnah serta mempunyai unsur-unsur persaingan perniagaan yang tidak sihat. Sehubungan itu, bagi mengelakkan berlakunya salah faham dan keresahan dalam kalangan pengguna setiap isu-isu halal yang tular telah dijawab dan diselesaikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Sejak tahun 2016 lagi JAKIM melalui Bahagian Hab Halal telah membangunkan laman Facebook Bahagian Hab Halal JAKIM di samping akaun Twitter serta Instagram. Sehingga hari ini, JAKIM melalui Bahagian Pengurusan Halal telah memuat naik 67 jawapan isu semasa yang tular melalui laman Facebook Hab Halal

'<https://www.facebook.com/HabHalalJakim>' yang boleh menjadi rujukan pengguna. Ia antara lain menjadikan saluran ini sebagai medium untuk penyebaran maklumat serta menyediakan tempat rujukan kepada setiap isu yang tular di media sosial.

Justeru, di pihak kerajaan ingin menyeru kepada pengguna di Malaysia agar bijak membuat rujukan (*tabayyun*) sebelum menyebarkan semula maklumat yang diterima agar tidak turut bersama menjadi penyebar berita tidak benar dengan merujuk kepada kemudahan media sosial yang disediakan oleh pihak JAKIM. Dalam masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab kita semua dalam memastikan berita yang diterima dan hendak disambung sebar adalah benar lagi sahih dengan cara merujuk kepada pihak berautoriti agar tidak turut terlibat di dalam aktiviti penyebaran maklumat palsu.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL
RAHMAN
[PASIR SALAK]
TARIKH : 1 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan FDI dan DDI serta
langkah yang di ambil untuk memulihkan kedudukan Bursa Saham.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi 2018, jumlah aliran masuk pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment*, FDI) mencatat RM32.6 bilion berdasarkan perangkaan Imbangan Pembayaran (*Balance of Payment*). Sektor yang menjadi tumpuan FDI adalah aktiviti perkhidmatan; pembuatan; dan perlombongan & kuari manakala negara sumber aliran FDI yang tertinggi adalah dari Amerika Syarikat, Hong Kong dan Jepun.

2. Sementara itu, dari segi jumlah pelaburan yang diluluskan (*approved investment*) oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) tahun 2018 adalah berjumlah RM201.7 bilion. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 40 peratus merupakan pelaburan asing dan 60 peratus merupakan pelaburan domestik. Kebanyakan pelaburan asing yang diluluskan bertumpu dalam sektor pembuatan (72.1%) dan perkhidmatan (20.4%). Manakala, pelaburan domestik yang diluluskan pula bertumpu dalam sektor perkhidmatan (71.8%) dan pembuatan (24.2%).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi memulihkan kedudukan Bursa Saham, pelbagai inisiatif berdasarkan empat fokus tumpuan strategik telah dilaksanakan secara berterusan bagi membangun dan merancakkan pasaran tempatan. Inisiatif ini termasuk:

- Strategi 1 : Menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain. Contohnya, pada 27 Ogos 2018 telah dilancarkan Kontrak Mini Niaga Hadapan berasaskan Indeks (*Financial Times Stock Exchange* - FTSE) Bursa Malaysia Mid 70 (FM70) yang pertama;

- Strategi 2 : Pembangun dan meningkatkan jumlah pelabur. Pelbagai inisiatif pemasaran dan promosi serta program pendidikan kepada pelabur telah dijalankan. Hasil dari inisiatif ini, sebanyak 146,000 akaun CDS (*Central Depository System*) baharu telah dibuka pada 2018;
- Strategi 3 : Menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan. Contohnya, Jualan Singkat Intra-hari (IDSS) bagi meningkatkan kecairan pasaran dan memberi pelabur fleksibiliti dalam menjalankan strategi jual beli serta pengurusan risiko mereka telah dilancarkan. IDSS telah menyumbang kepada nilai purata harian dagangan (ADV) sebanyak RM34.7 juta pada 2018; dan
- Strategi 4 : Mengembangkan pasaran serantau. Contohnya, Bursa Malaysia telah mengadakan kerjasama dua hala dengan bursa saham ASEAN dan serantau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pelajar lepasan Kolej Vokasional ini diiktiraf dan layak untuk memohon jawatan dalam sektor Kerajaan walaupun pada dasarnya pelajar ini tidak memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini semua program yang ditawarkan di Kolej Vokasional telah mendapat akreditasi sementara oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan 12 program telah memperoleh akreditasi penuh. Graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) bagi program yang telah mendapat status akreditasi penuh MQA boleh dipertimbangkan untuk bekerja dalam sektor perkhidmatan awam namun tertakluk kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk menetapkan syarat-syarat yang berkaitan. Pengiktirafan DVM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan berlaku sepenuhnya apabila semua program mendapat akreditasi penuh oleh MQA. Lulusan DVM juga boleh bekerja di industri tertakluk kepada ketetapan dan keperluan majikan yang melantik.

Walau bagaimanapun, lepasan Kolej Vokasional (KV) yang memiliki Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 3 atau 4 telah diterima memasuki skim perkhidmatan awam bagi gred 19 mengikuti kesesuaian program yang diikuti.

Sekian, terima kasih

RJM 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN : 18

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan inisiatif Kementerian menyediakan bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar di negeri Sarawak dan di kawasan Kota Samarahan khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dibawah RMKe-11 iaitu bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019, sebanyak 38 projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dengan peruntukan berjumlah RM1.8 billion manakala sebanyak 16 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dengan peruntukan berjumlah RM1.5 billion telah diperuntukkan untuk Negeri Sarawak.

Khusus untuk Parlimen Kota Samarahan, sepanjang tempoh RMKe-11, Kementerian telah melaksanakan satu (1) projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dengan peruntukan berjumlah RM92.98 juta yang melibatkan Projek Saluran Paip Utama dari Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entingan dan ke Tangki Batu 9¾, Samarahan, Sarawak yang telah bermula pada 24 November 2015 dan telah siap pada 19 Mac 2018. Projek ini telah meningkatkan bekalan air terawat sebanyak 20% di kawasan Kota Samarahan.

Manakala bagi projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian telah melaksanakan tiga (3) projek BELB dengan

peruntukan berjumlah RM24.9 juta bagi Parlimen Kota Samarahan yang telah siap sepenuhnya dan telah memberi manfaat kepada 629 buah rumah di kawasan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi perancangan masa hadapan, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) adalah berdasarkan kepada antara lain senarai keutamaan yang dipohon oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak (SPU). Bagi memastikan pelaksanaan projek BALB dan BELB lebih terarah dan efisien, Kementerian di bawah Kerajaan Baharu telah mengadakan libat urus dengan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi menyelaraskan dan membuat semak silang senarai projek-projek sebelum ianya dimajukan ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan peruntukan.

Kementerian turut mengambil inisiatif mewujudkan Jawatankuasa Bersama di antara Kementerian dan Kerajaan Negeri Sarawak bagi memastikan pelaksanaan projek infrastruktur luar bandar di Negeri Sarawak khususnya di Kota Samarahan lebih efisien dan siap mengikut jangka masa yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 8 APRIL 2019 (APRIL)

SOALAN NO.19

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk mengembalikan pengecualian pembayaran bil elektrik untuk bil-bil yang kurang daripada RM20 dan golongan yang akan mendapat manfaat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Rebat RM20 telah dilaksanakan bermula Oktober 2008 sehingga 31 Disember 2018. Rebat ini telah dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira pendapatan termasuk bukan warganegara. Selain itu, ia juga turut dinikmati oleh pengguna domestik yang mempunyai lebih daripada satu akaun elektrik.

Di bawah program ini, pengguna elektrik tidak perlu membayar bil elektrik sekiranya mempunyai bil bulanan di bawah RM20 dan ke bawah. Kerajaan telah membelanjakan lebih RM1.47 bilion sepanjang pelaksanaan rebat RM20 tersebut.

2. Berdasarkan padanan data Sistem eKasih dan padanan data penerima rebat RM20 sebelum ini, hanya kira-kira 37% sahaja penerima rebat tersebut yang terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar.

Oleh itu, dalam usaha memastikan rebat bil elektrik yang diberikan oleh Kerajaan sampai kepada golongan sasaran, Kerajaan telah menambah baik mekanisme sedia ada dengan memperkenalkan Program Rebat Bil Elektrik Sehingga RM40 khusus kepada golongan miskin tegar dan miskin yang tersenarai dan disahkan dalam Sistem eKasih. Pendekatan seperti ini dilihat menepati matlamat yang dihasratkan. Oleh itu, Kementerian memohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan hebahan kepada Ketua Isi Rumah yang layak untuk mengemaskini nombor akaun elektrik dengan pihak utiliti bagi menikmati rebat bil elektrik sehingga RM40.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian kepada syarikat pengeluaran produk makanan yang memperdayakan pengguna dengan menguna pakai jenama dan nama produk bercirikan keluaran Muslim. Namun hakikat sebenar semasa proses pengeluaran dijalankan aspek-aspek kebersihan dan halalan toyyiban tidak diambil perhatian yang serius. Susulan isu ini adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk membuat sekatan atau prosedur khusus bagi penggunaan jenama dan keluaran produk makanan yang bercirikan keluaran muslim.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan undang-undang yang sedia ada, pengeluar produk makanan yang memperdayakan pengguna dengan menguna pakai jenama dan nama produk bercirikan keluaran Muslim atau dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah halal atau boleh dimakan oleh orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan adalah melakukan suatu kesalahan dibawah Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Mana-mana orang yang

melakukan kesalahan di bawah Perintah ini boleh, apabila disabitkan — (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; atau (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG TACK,
[BENTONG]
TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 5

Minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan secara terperinci pelan tindakan untuk penyahtauliah dan pemulihan (Decommissioning and Rehabilitation) lombong emas Raub Australian Gold Mine (RAGM). Sekiranya kerja-kerja pemulihan telah bermula, bilakah ia dijangka siap dan siapa yang akan menanggung kosnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Raub Australian Gold Mining Sdn. Bhd. (RAGM) merupakan operator yang telah dilantik oleh pemegang Pajak Melombong ML 1669 (tempoh pajak sah sehingga 31 Disember 2038) dan Sijil Melombong MC 533 (tempoh pajak sah sehingga 16 Ogos 2027) milik Akay Holdings Sdn Bhd (AKAY). Operasi melombong telah dihentikan oleh syarikat RAGM atas sebab pembatalan perjanjian perlombongan “*Permit-To-Mine*” di antara RAGM dengan AKAY mulai 26 April 2017 mengikut notis yang dihantar kepada agensi-agensi yang berkaitan.

Berdasarkan Enakmen Mineral 2001 (Pahang), pelaksanaan penyahtauliahan (*decommissioning*) dan pemulihan lombong, pemajak perlu menyatakan dengan terperinci bagi perlombongan berskala besar. Namun, sehingga kini pihak pemajak masih belum mengemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Memandangkan kedua-dua pajak melombong masih lagi berkuatkuasa sehingga tahun 2027 dan 2038, adalah menjadi tanggungjawab pemajak terhadap terhadap sebarang kerja-kerja pemulihan lombong. Namun, selepas tempoh tersebut, jika pajak tidak diperbaharui, status tanah akan kembali menjadi tanah Kerajaan dan akan menjadi tanggungjawab PBN untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan jika tapak lombong tersebut masih belum dipulihkan.

Pada masa ini status lombong ini adalah berhenti sementara dan sehingga kini, pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) masih belum menerima sebarang permohonan untuk menyambung operasi

NO. SOALAN : 21

perlombongan. Sebelum sebarang operasi perlombongan boleh diteruskan, pihak pemajak dan pelombong mesti mematuhi beberapa keperluan perundangan seperti Penyediaan *Environmental Impact Assessment* (EIA) tambahan, penyediaan Pelan Pemulihan Lombong untuk kelulusan PBN dan Penyediaan Skim Pengendalian Melombong untuk kelulusan JMG serta pengemaskinian beberapa lagi keperluan termasuklah *Environmental Management Plan* (EMP) dan *Erosion dan Sedimentation Control Plan* (ESCP).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menanggungkan segala bentuk bayaran balik hutang peneroka sehingga pendapatan mencecah RM1,500 sebulan seperti dasar Kerajaan BN dahulu akibat daripada kejatuhan harga minyak sawit yang mengakibatkan pendapatan peneroka FELDA telah menurun kepada kurang dari RM1,000/- sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jaminan Pendapatan Minima Peneroka telah diperkenalkan oleh FELDA sejak Mei 1988 iaitu sebanyak RM350 sebulan. Ini telah dinaikkan kepada RM600 sebulan pada tahun 2000, seterusnya RM1,000 sebulan pada tahun 2009 dan kekal hingga masa ini.
2. Sekiranya pendapatan kasar peneroka kurang dari RM1,000 sebulan setelah ditolak kos operasi kebun, potongan hutang kebun akan ditangguhkan (Kos Pembangunan Tanam Semula). Walau bagaimanapun, potongan hutang persendirian seperti Hutang Kedai, Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka, saham FGV dan caruman tanam semula diteruskan seperti biasa.
3. Kos operasi kebun meliputi urusan penuaian, pengangkutan hasil Buah Tandan Segar (BTS), baja (bahan dan upah) serta jalan pertanian. Telah menjadi amalan selama ini bahawa kos operasi kebun wajib ditolak dari hasil. Sekiranya FELDA menangguhkan potongan hutang-hutang tersebut:
 - (i) Hutang peneroka semakin bertambah apabila kos operasi semasa setiap bulan tidak dipotong. Selain itu, bayaran FELDA kepada kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja ladang juga akan terjejas.
 - (ii) Hutang peneroka tidak dapat dikutip dan tertunggak serta menjejaskan aliran tunai FELDA.
4. Untuk makluman Yang Berhormat Bera juga, kenyataan bahawa Kerajaan terdahulu menangguhkan semua pembayaran hutang oleh peneroka FELDA adalah tidak tepat. Semakan rekod FELDA menunjukkan bahawa potongan hutang peneroka pernah ditangguhkan pada bulan April dan Mei tahun 2018 sebelum

Pilihanraya ke-14. Potongan hutang yang ditangguhkan adalah Bayaran Kembali, Pinjaman Sosio Ekonomi dan Baja. Manakala potongan Pendahuluan Tunai, potongan kedai D'Mart, Kos Operasi dan lain-lain (Tabung Tanam Semula, Potongan Meja, JKKR, Keceriaan kampung dan Tabung Jalan Pertanian) masih diteruskan ketika itu.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
8 April 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha mencapai sasaran pembinaan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Perumahan Negara telah mengadakan sesi libat urus dengan beberapa Kementerian / Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju swasta untuk mengenal pasti sasaran dan strategi pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) supaya perancangan pembangunan perumahan awam dan mampu milik dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Lanjutan daripada itu, sesi pemurnian data sedang dilaksanakan dengan agensi-agensi tersebut bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan cadangan sasaran pelaksanaan RMM Tahun 2018 hingga 2028 di seluruh negara melalui agensi-agensi pelaksana yang terlibat seperti berikut:

- | | | |
|---------------------------|---|---------------|
| (a) KPKT | : | 546,000 unit |
| (b) Lain-lain Kementerian | : | 155,788 unit |
| (c) Kerajaan Negeri | : | 153,212 unit |
| (d) Pihak swasta | : | 145,000 unit. |

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 telah membincangkan isu berhubung pelaksanaan 1 Juta RMM serta pemantauannya. Mesyuarat telah bersetuju dengan penubuhan

Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta mewujudkan pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*).

4. Pangkalan data perumahan ini juga merupakan salah satu Pelan Tindakan dalam Fokus 5, Dasar Perumahan Negara (2018-2025) iaitu memperkemaskan data dan menangani jurang data untuk memajukan penyelidikan perumahan negara. Pembangunan pangkalan data perumahan ini memerlukan penyeragaman data di antara Kementerian/Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak pemaju.

5. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan akan memperluaskan sesi libat urus ini dengan Agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia serta Jabatan Perangkaan Malaysia bagi membantu Kementerian dalam membangunkan pangkalan data perumahan yang *reliable* dan komprehensif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap penipuan kelulusan akademik oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menjawat jawatan dalam Kerajaan mahupun swasta dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta SPR jika didapati mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang menipu tentang butiran peribadi.

JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **tiada peruntukan undang-undang pilihan raya** yang mewajibkan pengisytiharan kelayakan akademik bagi bakal-bakal calon selaras dengan Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan iaitu “kelayakan menjadi calon” dan mana-mana Undang-Undang Tubuh Negeri untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Pemilihan sesuatu calon yang bertanding adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh parti masing-masing.

Calon-calon yang didapati melakukan kesalahan menipu atau memalsukan kelayakan akademik, jika ada, boleh disiasat di bawah Kanun Keseksaan yang mana sekiranya dibicarakan dan dikenakan hukum **dengan denda RM2,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau**

kedua-duanya serta tidak mendapat pengampunan bebas, mereka akan kehilangan kelayakan untuk menjadi calon di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri yang berkaitan. Bagaimanapun, ini semua adalah di bawah bidangkuasa polis dan peguam negara

Buat masa ini, SPR **tidak mempunyai cadangan untuk membuat pindaan kepada peruntukan undang-undang sedia** khususnya Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan iaitu “kelayakan menjadi calon” dan mana-mana Undang-Undang Tubuh Negeri untuk mewajibkan pengisytiharan kelayakan akademik bagi bakal-bakal calon yang bertanding.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keberkesanan penambahan kamera AWAS bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya akibat memandu melebihi had laju

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera *Automated Enforcement System* (AES) telah beroperasi iaitu empat (4) lokasi di negeri Johor, empat (4) lokasi di negeri Melaka, enam (6) lokasi di negeri Selangor, tujuh (7) lokasi di negeri Kedah, satu (1) lokasi di negeri Pulau Pinang, lima belas (15) lokasi di negeri Perak, dua (2) lokasi di Negeri Sembilan, dua (2) lokasi di negeri Terengganu, satu (1) lokasi di negeri Kelantan, dua (2) lokasi di negeri WPKL dan satu (1) lokasi di Putrajaya.
2. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pematuhan kepada undang-undang dan peraturan lalu lintas yang berkuatkuasa oleh pengguna jalan raya, pihak Kerajaan bercadang untuk menambah pemasangan kamera AwAS di lokasi-lokasi yang akan ditentukan berdasarkan keperluan dan kajian serta mengambilkira data kemalangan yang terkini.
3. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' SERI TIONG KING SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) apakah sebab dan justifikasi pembatalan projek jejambat (flyover) Medan Jaya, Bintulu walaupun telah diluluskan; dan

(b) apakah perancangan Kementerian dalam mengatasi kesesakan lalu lintas di Bintulu yang semakin serius memandangkan Bintulu merupakan hub pengeluaran gas asli dan petroleum serta pelbagai industri dan sedang pesat membangun.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Jejambat Medan Jaya, Bintulu telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi kerja-kerja awalan dan reka bentuk sahaja. Kerja-kerja awalan dan reka bentuk tersebut telah siap pada tahun 2017. Namun pembinaan jejambat tidak dapat dilaksanakan kerana belum mendapat kelulusan agensi pusat.

b) Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan lalu lintas di Bintulu yang semakin serius. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini bersedia **mempertimbangkan untuk melaksanakan Kajian 'Traffic Dispersal Scheme' bagi Bandar Bintulu** sekiranya pihak Kerajaan Negeri mengemukakan permohonan pelaksanaan melalui *Rolling Plan* yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hasil perundingan antara dua negara, Malaysia dan Singapura berkaitan pertikaian sempadan perairan laut di Selat Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia telah mengisytiharkan Perubahan Had Pelabuhan untuk Pelabuhan Johor Bahru pada 25 Oktober 2018. Susulan itu, Singapura juga telah mengisytiharkan Had Pelabuhan Tuas yang baharu pada 6 Disember 2018.

3. Untuk meredakan suasana yang tegang mengenai isu tersebut, pada 8 Januari 2019, kedua-dua negara bersetuju untuk menubuhkan Kumpulan Kerja (*Working Group*) bagi menangani isu maritim melibatkan peluasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas. Kumpulan Kerja (*Working Group*) tersebut membincangkan dan berunding berkaitan isu maritim berhubung had pelabuhan tersebut berkaitan perundangan dan operasi bagi meredakan pertikaian di kawasan tersebut.

4. Kumpulan Kerja (Working Group) dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Encik Chee Wee Kiong, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura.
5. Kumpulan Kerja (*Working Group*) tersebut telah berbincang dan berjaya mencapai persetujuan dalam had waktu yang ditetapkan, dan mencadangkan untuk Malaysia dan Singapura secara bersama:
- a. menangguhkan implementasi had pelabuhan baharu yang bertindih dan menggunakan had pelabuhan sebelum 25 Oktober 2018 dan 6 Disember 2018;
 - b. tidak memberi sebarang kelulusan dan menangguhkan sebarang aktiviti komersial dalam had pelabuhan bertindih;
 - c. tidak membenarkan kapal-kapal Kerajaan berlabuh di kawasan tersebut;
 - d. kapal-kapal Malaysia dan Singapura yang beroperasi di kawasan tersebut tertakluk kepada undang-undang antarabangsa termasuk *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS). Kedua-dua pihak akan mewujudkan satu modaliti yang boleh diamalkan bagi mengelak sebarang insiden yang tidak diingini di kawasan berkenaan;
 - e. menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura bagi perbatasan sempadan maritim dan memastikan supaya:
 - i. cadangan-cadangan operasi dilaksanakan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh yang telah dipersetujui oleh Malaysia dan Singapura; dan
 - ii. rundingan perbatasan sempadan maritim bagi kawasan berkenaan bermula dalam tempoh satu (1) bulan selepas pelaksanaan cadangan-cadangan operasi tersebut.

6. Langkah-langkah tersebut di atas akan diambil tanpa prejudis kepada tuntutan Malaysia di kawasan tersebut. Selanjutnya, jika persetujuan tidak dapat dicapai semasa rundingan perbatasan sempadan maritim, Malaysia dan Singapura boleh bersetuju untuk menggunakan prosedur penyelesaian pertikaian pihak ketiga antarabangsa yang sesuai di atas terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.

7. Persetujuan di atas mempamerkan komitmen kedua-dua negara untuk bekerjasama menyelesaikan isu maritim berkaitan pertikaian peluasan had pelabuhan tersebut secara baik dan mengikut saluran diplomasi yang betul, berdasarkan undang-undang antarabangsa.

8. Justeru, Kementerian ini akan meneruskan pendekatan aman dan strategik dalam menyelesaikan tuntutan maritim di antara kedua-dua Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR B. RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 28

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) berapakah anggaran jumlah keseluruhan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang terdapat di Malaysia khususnya di Sabah; dan

(b) apakah tindakan komprehensif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menyelesaikan permasalahan PATI ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada maklumat berhubung statistik mutlak jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini memandangkan semua warganegara asing yang masuk melalui pintu masuk yng diwartakan adalah mereka yang mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan dari segi jumlah PATI di negara ini.

Bagi mengekang pertambahan jumlah PATI di dalam negara, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Sebanyak 14,577 operasi telah

dijalankan oleh JIM dan tangkapan sejumlah 48,152 orang PATI bagi tahun 2018 dan 2019 iaitu sehingga 31 Januari 2019 di seluruh negara. Manakala secara khususnya, sebanyak 1,610 operasi telah dijalankan oleh JIM Negeri Sabah bagi tempoh sepanjang tahun 2018 dan tahun 2019 iaitu sehingga 25 Februari 2019 dan melalui operasi tersebut, sejumlah 5,648 orang PATI di Sabah telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan imigresen.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah mengesan PATI, mengenalpasti lokaliti dan pekerjaan PATI di dalam Negara, Kerajaan telah melaksanakan pemeriksaan dan risikan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam dari pelbagai sumber seperti emel, surat, telefon, sistem pesanan ringkas dan aduan melalui kaunter imigresen termasuk isu-isu yang berkaitan PATI yang tular di media sosial. Ibu Pejabat dan Pejabat Imigresen Negeri yang menerima sebarang aduan akan menjalankan operasi penguatkuasaan dengan mengambil kira aspek perancangan, faktor risiko dan pematuhan kepada *Standard Operating Procedures* (SOP) seperti yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah pencegahan dan kawalan seperti berikut:

- i) Memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara;
- ii) Menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) Mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);

- iv) Memperkasa usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama PDRM, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan Pasukan Gerak Am (PGA);
- v) Memperketat syarat pengeluaran visa kepada warganegara asing yang memerlukan visa untuk masuk dan berada di Malaysia. Dalam hubungan ini, JIM telah memperkenalkan reka bentuk *Malaysia Visa* dan *Malaysia Pass* pada 2 Oktober 2018 dengan ciri-ciri keselamatan yang terkini dan komprehensif dengan kepelbagaian kaedah perlindungan keselamatan melalui perkembangan dan kemajuan teknologi yang pesat dan mampan bagi menangani isu penyalahgunaan dan pemalsuan dokumen; dan
- vi) Membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti kawasan luar bandar, kawasan bandar dan premis majikan yang menggaji pekerja asing serta institusi pengajian yang mengambil pelajar antarabangsa serta warga asing yang menjadi pasangan warganegara (perkahwinan antara warga asing dengan warga tempatan).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 8 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berkenaan bantuan yang telah diberikan oleh Jabatan Veterinari Persekutuan kepada Sarawak untuk mengatasi masalah wabak “Rabies” di Sarawak. Adakah bantuan lebih akan diberikan untuk mengawal wabak ini disebabkan penularan wabak tersebut hampir ke seluruh Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 1 Julai 2017, Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Persekutuan telah menghantar seramai 235 orang petugas untuk membantu menjalankan aktiviti kawalan penyakit Rabies. Petugas adalah terdiri dari pegawai veterinar dan penolong pegawai veterinar dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dari seluruh Semenanjung Malaysia.

Selain bantuan dari segi tenaga kerja untuk membantu menjalankan aktiviti kawalan penyakit Rabies, DVS Persekutuan turut memberikan bantuan dari segi kewangan dengan menyalurkan keperluan peralatan untuk menjalankan operasi kawalan, penvaksinan haiwan dan pengujian penyakit Rabies. Pada tahun 2018, DVS Persekutuan telah menerima peruntukan sebanyak RM 3,000,000.00 bagi menjalankan Program Kawalan Penyakit Rabies di Sarawak dan negeri-negeri yang berisiko seperti Perlis, Kedah, Perak, Pulau

SOALAN NO : 29

Pinang dan Kelantan. Bagi program penvaksin anjing, sebanyak 115,000 dos vaksin telah dihantar ke Sarawak.

DVS Persekutuan juga berkongsi kepakaran Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh untuk memberikan latihan dari segi teknikal kepada pegawai veterinar di Makmal Diagnosa Veterinar Sarawak (SVDL) bagi menjalankan pengujian Rabies di SVDL dan bagi mengurangkan kos penghantaran sampel ke VRI.

Dalam pada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak Bil. 1/2019 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak pada 11 Januari 2019 telah mengisytiharkan wabak Rabies di Sarawak sebagai bencana tahap dua (2) berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Pengisytiharan tersebut mengambil kira jumlah kes positif rabies ke atas manusia seramai 16 orang dan jumlah kawasan yang positif rabies ke atas haiwan yang meningkat sebanyak kawasan di seluruh Sarawak kecuali Bahagian Limbang.

Susulan daripada itu, operasi bersepadu bagi menangani wabak rabies di negeri Sarawak akan dijalankan yang diketuai oleh Polis Diraja Malaysia dan melibatkan semua agensi penguatkuasa seperti *Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kesihatan dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak*. Secara keseluruhan, operasi ini dijangka mengambil masa selama 6 bulan dan melibatkan 360 pegawai dan kakitangan DVS Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

DARIPADA : Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]

SOALAN : 30

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pemantauan Hutang Negara dan Liabiliti yang bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri dan siapakah senarai ahli jawatankuasanya.

JAWAPAN: YB Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti adalah selaras dengan pengumuman yang telah yang dibuat di dalam Belanjawan 2019.
2. Objektif Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti adalah untuk mengurangkan jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan ke arah tahap yang lebih terurus dan terancang.
3. Ahli-ahli jawatankuasa ini adalah:
 - a) Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir – Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan;
 - b) To' Puan Azian Mohd Aziz – Ketua Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara;

- c) Dr Muhammed Abdul Khalid – Penasihat Ekonomi kepada YAB Perdana Menteri;
- d) Gooi Hoe Soon – Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia; dan
- e) Faris Rabidin – Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Sekuriti

4. Sebarang cadangan yang diberikan kepada YAB Perdana Menteri adalah tertakluk kepada empat prinsip panduan (*guiding principles*), iaitu:

- a) Mestilah tidak mendatangkan kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi;
- b) tidak menyebabkan sebarang gangguan dalam penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan;
- c) tidak menyebabkan sebarang gangguan dalam pasaran kewangan, dan;
- d) mestilah menerapkan keyakinan dalam orang awam, terutamanya rakyat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
PERTANYAAN : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]
TARIKH : 08.04.2019 (ISNIN)

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil dalam menangani isu ketirisan barang bersubsidi terutamanya Gas Petroleum Cecair (LPG).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam penyalahgunaan subsidi Gas Patroleum Bersubsidi (LPG).

Bagi tempoh 2017 hingga Disember 2018, sebanyak 440 kes sindiket penyelewengan LPG bersubsidi telah berjaya dipatahkan dengan rampasan dianggarkan bernilai hampir RM 7.54 juta. Kesemua mereka yang terlibat berhadapan dengan hukuman denda sehingga RM3 juta atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Selain hukuman denda, tindakan penggantungan dan pembatalan lesen turut dikenakan ke atas mana-mana pihak yang bersekongkol atau terlibat secara langsung dalam kegiatan tidak bertanggungjawab ini.

Bagi membanteras kegiatan tidak bertanggungjawab ini, tindakan penguatkuasaan yang holistik telah dilaksanakan dibawah operasi khas yang diberi nama **OPS GASAK 2** bersama-sama agensi penguatkuasa lain di dalam negara bagi memerangi penyelewengan bahan petroleum bersubsidi LPG.

Selain itu, dalam usaha untuk menggandakan usaha penguatkuasaan seluruh Malaysia pada tahun 2019, penguatkuasaan akan turut ditumpukan kepada sektor industri bagi memastikan tiada penggunaan LPG bersubsidi dan juga bagi memastikan bekalan LPG yang mereka terima samada dalam bentuk silinder komersil ataupun *bullet tank* adalah daripada sumber-sumber yang sah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]
TARIKH : 8 APRIL 2019 | ISNIN

SOALAN

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk lima tahun terakhir ini, berapakah jumlah subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada pengiring jemaah haji dan juga jemaah yang berjaya untuk rayuan menunaikan haji kali pertama.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah menanggung subsidi haji berjumlah RM576.38 juta untuk 58,118 jemaah haji rayuan termasuk pengiring yang menunaikan haji kali pertama secara Muassasah, bagi tempoh 5 tahun daripada 2014 hingga 2018 (1435H hingga 1439H).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 33

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan pusat rekreasi rakyat yang diduduki oleh parti-parti komponen Barisan Nasional, dari segi jumlah, bilangan yang dikembalikan kepada Kerajaan dan yang belum dikembalikan, apakah tindakan selanjutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, bancia dan semakan ke atas pusat rekreasi rakyat (dewan) yang terdapat di Kuala Lumpur adalah sejumlah 315 unit.

Dari jumlah tersebut, **121 unit dewan** berada dalam kawalan DBKL sepenuhnya yang diuruselia oleh 3 jabatan iaitu Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Bahagian Perumahan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar. Manakala **194 unit dewan** telah diurus oleh Persatuan Penduduk, Pertubuhan Politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan

SOALAN NO : 33

(NGO). Semakan mendapati, 23 buah dewan telah diuruselia oleh parti komponen Barisan Nasional di mana:-

- a. 18 UMNO;
- b. 4 MCA; dan
- c. 1 MIC.

Selebihnya adalah diuruselia oleh Persatuan Penduduk dan NGO.

Pada penghujung tahun 2018, DBKL telah memulakan tindakan untuk mengambilalih semula semua 194 unit dewan dengan mengeluarkan notis pentadbiran kepada 68 pengurusan dewan yang dikenali berada di atas tanah DBKL dan kerajaan. Setakat ini, hanya sebilangan kecil pengurusan lama telah menyatakan persetujuan untuk menyerahkan pengurusan dewan kepada DBKL.

SOALAN NO. 33

Tindakan selanjutnya, DBKL telah mengeluarkan Notis Pentadbiran Ulangan kepada pengurusan dewan yang tidak respon dan tambahan lagi 69 unit dewan dikeluarkan Notis Pentadbiran pertama. Dewan selebihnya adalah merupakan dewan yang berada di atas tanah persendirian.

Tuan Yang Dipertua,

DBKL komited untuk mengambilalih semula semua dewan-dewan yang dinotiskan ini dengan tujuan memastikan dewan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan oleh orang ramai yang memohon untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat dan tidak digunakan untuk tujuan politik.

Kementerian juga telah bersetuju agar dewan-dewan ini diurus oleh Majlis Perwakilan Penduduk sebagai pejabat urusan selain dari menyerahkan kepada mana-mana persatuan yang berminat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN : 34

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes kebangkrapan individu yang telah selesai tetapi akaun masih belum dikosongkan dan berapakah jumlah lebihan yang masih belum dikembalikan mengikut perincian negeri dari tahun 2015 hingga tahun 2018.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes kebangkrapan yang telah selesai melalui Perintah Mahkamah di bawah **Seksyen 105 Akta 360** adalah sebanyak **7,820** kes. Manakala jumlah kes kebangkrapan selesai melalui Pelepasan Melalui Perintah Mahkamah di bawah **Seksyen 33 Akta 360** dan Pelepasan melalui Sijil KPI di bawah **Seksyen 33A** masing-masing sebanyak **783** kes dan **37,444** kes. Tiada perincian pengosongan akaun bagi tahun 2015. Jumlah kes kebangkrapan selesai mengikut perincian Cawangan/Negeri dari Tahun **2016** sehingga Tahun **2018** sebagaimana berikut:

**Jumlah Kes Kebankrapan Yang Dibatalkan Melalui Perintah Mahkamah
Seksyen 105 Akta 360 Mengikut Cawangan**

Cawangan	TAHUN 2018			
	2016	2017	2018	JUMLAH
WPKL	247	125	370	1025
SELANGOR	778	935	824	3406
JOHOR BAHRU	408	391	495	1591
IPOH	115	88	126	439
PULAU PINANG	179	204	224	822
KEDAH	111	113	111	435
MUAR	66	65	59	260
KOTA KINABALU	79	91	81	347
KELANTAN	52	59	46	192
MELAKA	47	46	72	216
NEGERI SEMBILAN	63	72	88	291
TEMERLOH	13	29	11	73
KUANTAN	84	80	92	321
KUCHING	68	79	76	299
TERENGGANU	9	10	6	44
MIRI	55	52	32	186
SIBU	24	33	38	117
TAIPING	32	30	27	117
TAWAU	12	21	14	60
SANDAKAN	13	14	6	47
PERLIS	12	8	10	43
JUMLAH	2,467	2,545	2,808	7,820

**Jumlah Kes Kebankrapan Yang Dilepaskan Melalui Perintah
Mahkamah Seksyen 33 Akta 360 Mengikut Cawangan**

Cawangan	TAHUN 2018			
	2016	2017	2018	JUMLAH
WPKL	114	31	66	274
SELANGOR	1	1	0	2
JOHOR BAHRU	5	92	1	105
IPOH	11	76	31	140
PULAU PINANG	12	6	22	53
KEDAH	0	0	1	1
MUAR	5	4	3	12
KOTA KINABALU	12	11	8	43
KELANTAN	31	17	7	71
MELAKA	1	4	1	8
NEGERI SEMBILAN	2	5	1	21
TEMERLOH	12	0	2	18
KUANTAN	1	0	2	3
KUCHING	0	2	0	2
TERENGGANU	40	42	53	177
MIRI	0	1	0	1
SIBU	0	0	0	3
TAIPING	2	0	0	2
TAWAU	12	14	8	51
SANDAKAN	2	6	1	13
PERLIS	0	0	0	2
JUMLAH	264	312	207	783

**Jumlah Kes Kebankrapan Yang Dilepaskan Melalui Sijil Ketua
Pengarah Insolvensi (KPI) Seksyen 33A Akta 360 Mengikut
Cawangan**

Cawangan	TAHUN 2018			
	2016	2017	2018	JUMLAH
WPKL	2,341	1,315	2,918	7627
SELANGOR	1,278	351	2,871	4570
JOHOR BAHRU	744	526	2,067	3478
IPOH	31	216	991	1238
PULAU PINANG	667	728	1,535	2968
KEDAH	566	464	1,207	2482

NO. SOALAN : 34

MUAR	271	89	866	1820
KOTA KINABALU	373	204	1,976	2733
KELANTAN	312	307	1,376	1996
MELAKA	61	225	1,446	2630
NEGERI SEMBILAN	266	500	839	1605
TEMERLOH	251	177	232	773
KUANTAN	39	22	1,008	1092
KUCHING	244	167	1,105	1536
TERENGGANU	6	4	1,571	1600
MIRI	28	63	161	260
SIBU	10	13	291	314
TAIPING	12	47	700	759
TAWAU	113	119	406	642
SANDAKAN	59	2	409	491
PERLIS	13	66	179	274
JUMLAH	7,685	5,605	24,154	37,444

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah kes kebangkrapan yang telah dikosongkan mengikut Cawangan/Negeri dari Tahun 2016 sehingga Tahun 2018 adalah sebanyak 37,002 kes. Jumlah keseluruhan kes yang telah selesai sebanyak 46,047 kes. Manakala jumlah kes yang belum dikosongkan adalah sebanyak 9,045 kes.

Jumlah Kes Kebankrapan Yang Telah Dikosongkan Mengikut Cawangan

Cawangan	TAHUN			JUMLAH
	2016	2017	2018	
WP KUALA LUMPUR	3279	2839	2394	8512
SELANGOR	2925	2340	2512	7777
JOHOR BAHRU	1791	1300	1557	4648
IPOH	728	466	364	1558
PULAU PINANG	86	110	832	1028
KEDAH	407	252	572	1231
MUAR	274	315	563	1152
KOTA KINABALU	330	263	553	1146
KELANTAN	500	579	292	1371

NO. SOALAN : 34

MELAKA	425	481	410	1316
NEGERI SEMBILAN	623	322	361	1306
TEMERLOH	731	699	138	1568
KUANTAN	434	335	298	1067
KUCHING	525	621	304	1450
TERENGGANU	92	61	241	394
MIRI	16	13	101	130
SIBU	151	81	81	313
TAIPING	93	50	89	232
TAWAU	205	114	105	424
SANDAKAN	67	45	46	158
PERLIS	153	60	8	221
JUMLAH	13,835	11,346	11,821	37,002

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, *rekod akumulatif* dari tahun-tahun sebelum ini termasuk tahun **sebelum** 2015 sehingga tahun 2018 menunjukkan keseluruhan jumlah wang lebih di bawah Seksyen 105 Akta 360 yang belum dikembalikan adalah sebanyak **RM97,262,969.80**. Berdasarkan peruntukan Akta 360, wang lebih boleh dikembalikan bagi kes-kes kebangkrapan yang telah mendapat perintah Pembatalan Melalui Perintah Mahkamah di bawah Seksyen 105. Tiada wang lebih yang boleh dikembalikan bagi kes-kes yang mendapat Perintah Pelepasan Melalui Mahkamah di bawah Seksyen 33 dan Pelepasan Melalui Sijil KPI di bawah Seksyen 33A kerana dividen perlu dibayar kepada pemiutang-pemiutang yang telah memfailkan tuntutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]
TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 35

Y.B. TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa wang yang dijangka akan dibelanja untuk Skim mySalam dalam tahun ini.

JAWAPAN

Tuan yang Di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim MySalam menyediakan perlindungan takaful percuma kepada penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) yang berumur antara 18 hingga 55 tahun, termasuklah pasangan masing-masing. Skim ini akan dibiayai oleh industri insurans dan takaful. Dana permulaan berjumlah RM2 bilion diperoleh melalui sumbangan daripada syarikat insurans dan pengendali takaful serta diuruskan di bawah satu tabung amanah berpusat. Dana ini dijangka mampu membiayai skim MySalam untuk tempoh selama 5 tahun.

Pada peringkat permulaan, caruman bagi skim ini akan dibayar daripada tabung tersebut kepada pengendali takaful ke atas liputan (*coverage*) perlindungan yang ditetapkan. Untuk tahun 2019, jumlah caruman dijangka berjumlah RM400 juta. Produk perlindungan ini akan diuruskan pada harga kos dan segala keuntungan akan dikembalikan kepada skim tersebut.

Sebagai permulaan, skim ini akan dikendalikan oleh Great Eastern Takaful Berhad yang merupakan sebuah pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 36

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kementerian dalam memastikan keselamatan jaringan internet apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menjalankan kaedah pengundian secara elektronik (e-undi) bagi pilihan raya di Malaysia dan adakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakan e-undi ini.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang mengadakan libat urus (*engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti badan bukan Kerajaan (NGO) tempatan dan antarabangsa bagi meneliti kesesuaian terhadap kaedah pengundian secara elektronik (e-undi). Penggunaan kaedah ini juga melibatkan implikasi kewangan dan tahap penerimaan yang berbeza oleh *stakeholders* yang terlibat. SPR juga sedang meneliti dan mengkaji kebaikan serta kesesuaian penggunaan kaedah tersebut dan akan mencadangkannya kepada Kerajaan jika didapati sesuai untuk dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 [ISNIN]

SOALAN : NO. 37

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masih ramai rakyat yang bangga untuk berkhidmat dengan Kerajaan tetapi masih ramai juga pelajar yang telah tamat pengajian tinggi sedang mencari pekerjaan sehingga detik ini. Walaupun dalam bidang perkhidmatan awam boleh didapati banyak kekosongan jawatan, mengapakah jawatan di perkhidmatan awam ini tidak diisi dan dipedulikan oleh pihak yang berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD.RAFIK
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) **masih meneruskan pengambilan dan pelantikan pegawai ke Perkhidmatan Awam pada setiap tahun** bagi mengisi kekosongan jawatan akibat persaraan, kenaikan pangkat, peletakan jawatan, kematian dan penamatan perkhidmatan.

2. Pelaksanaan urusan pengambilan dan pelantikan bermula apabila menerima permohonan pengisian kekosongan daripada Kementerian/Jabatan. Seterusnya proses penilaian termasuk sesi temu duga akan dijalankan terhadap calon-calon yang memohon. Calon-calon yang terpilih kemudiannya akan diserahkan kepada Kementerian berkenaan. SPA dan SPP masih terus melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan jika terdapat permohonan pengisian.

3. Pada tahun 2018, **SPA telah memproses sebanyak 1,347,544 permohonan bagi pelbagai jawatan tetap.** Seramai 179,864 calon telah dipanggil menghadiri temu duga dan 13,473 telah dilantik ke perkhidmatan awam. Dalam tempoh yang sama, SPA juga telah melantik seramai 23,439 calon ke jawatan kontrak. Manakala, dalam tempoh yang sama, **SPP pula telah memproses sebanyak 179,276 permohonan** dan seramai 7,686 calon telah dipanggil temu duga. Seramai 6,845 calon telah dilantik ke perkhidmatan awam. Selain itu, SPP juga telah melantik secara kontrak seramai 197 calon.

4. Sebagai makluman, selain SPA dan SPP, terdapat juga Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain yang melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan berdasarkan bidang kuasa masing-masing seperti Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera (MAT), Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Sejauhmanakah Majlis Tahfiz Negara (MTN) akan membantu perkembangan institusi tahfiz di negara ini dan sejauhmanakah Menteri boleh memastikan pelantikan MTN ini bebas dari unsur politik.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat perihatin terhadap pendidikan tahfiz di negara ini. Justeru, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) telah dibangunkan dengan penekanan untuk:

- i. menyelaraskan pelaksanaan pengurusan institusi pendidikan tahfiz di seluruh negara berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di negeri;
- ii. menyediakan asas yang kukuh kepada pembangunan potensi para penghafaz al-Quran yang seimbang dan optimum meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi menjamin kualiti penghafaz al-Quran;

- iii. menyelaraskan pembangunan model dan kurikulum pendidikan tahfiz yang seragam dan bersepadu;
- iv. menyelaraskan pengurusan institusi pendidikan tahfiz dalam aspek tadbir urus yang mantap dan berkesan;
- v. menyediakan mekanisma pengiktirafan dan pensijilan bagi para penghafaz al-Quran; dan
- vi. memastikan semua individu mendapat peluang yang sama untuk mengikuti pendidikan tahfiz.

Hasrat untuk menubuhkan majlis tahfiz atau badan pengiktirafan tahfiz merupakan satu inisiatif di bawah DPTN bertujuan untuk:

- i. Mewujud dan menyelaraskan mekanisme pengiktirafan tahfiz;
- ii. Membangunkan standard pengiktirafan;
- iii. Memberi pengiktirafan kepada huffaz;
- iv. Memastikan pematuhan standard pengiktirafan dapat dilaksanakan;
- v. Melaksanakan apa-apa pengiktirafan kepada institusi tahfiz tertakluk kepada dasar dan keperluan semasa.

Badan ini akan dirangka sebagai sebuah jawatankuasa di bawah Lembaga Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang diurus setiakan oleh JAKIM, dan keahliannya akan terdiri daripada ahli-ahli yang terlibat secara langsung atau pakar dalam bidang al-Quran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID

TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan pindaan
Akta Pekerja.

PN-1412- L02994

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung cadangan pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265), KSM telah pun mengadakan sesi libat urus (*engagement*) yang menyeluruh dengan pihak berkepentingan termasuklah secara atas talian bagi mendapatkan pelbagai pandangan untuk diadaptasi dalam peruntukan sedia ada.
2. Sebuah Jawatankuasa Teknikal bagi pindaan Akta 265 ini turut ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan telah pun mengadakan mesyuarat untuk meneliti dan memperincikan cadangan pindaan ke atas Akta ini.
3. KSM sedang memuktamadkan cadangan pindaan ke atas Akta ini sebelum dibawa untuk semakan Jabatan Peguam Negara dan pertimbangan oleh mesyuarat Jemaah Menteri sebelum dibentangkan di Parlimen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]
TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)
SOALAN : 41

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan setakat manakah proses tawaran kerja projek pembinaan loji rawatan air ke-2 Pitas (RM52 juta) telah dilaksanakan. Bilakah tarikh sebenar kerja-kerja ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembinaan Loji Rawatan Air ke-2 Pitas telah ditender pada 27 November 2018. Status terkini projek adalah di peringkat penilaian tender dan kerja di tapak dijangka bermula pada bulan Mei 2019. Projek ini dijangka siap sepenuhnya menjelang suku kedua tahun 2021 dengan tempoh pembinaan selama 24 bulan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ
BIN ABDUL RAHIM [BALING]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memajukan tanah wakaf di kawasan luar bandar untuk pembangunan projek perumahan mesra rakyat dan adakah ada penambahbaikan fasiliti untuk projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan kajian yang terperinci bagi melihat kaedah yang terbaik dan berlandaskan syariah bagi pelaksanaan pembangunan rumah mampu milik di atas tanah wakaf termasuklah di kawasan luar bandar. Secara umumnya, pembangunan rumah mampu milik termasuklah Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan dipantau oleh KPKT di mana penambahbaikan fasiliti juga akan dilaksanakan agar mengikut

keperluan standard yang telah digariskan dalam Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang akan dilancarkan dalam masa terdekat.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan model pembangunan hartanah wakaf di Pulau Pinang iaitu Tanah Wakaf Seetee Aishah, adalah dicadangkan agar prinsip pembangunan perumahan di atas tanah wakaf mengambil kira prinsip seperti berikut:

- (i) Tanah wakaf tetap menjadi milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah;
- (ii) Penjualan kepada pembeli hendaklah mengikut kaedah pajakan iaitu menggunakan Borang 15A (Seksyen 221 – Kanun Tanah Negara);
- (iii) MAIN sebagai pemberi pajakan (**lessor**) boleh memberi pajakan selama 99 tahun kepada penerima pajakan (**lessee**) tanah tersebut;
- (iv) selepas tamat tempoh pajakan, tanah dikembalikan kepada pemberi pajakan (MAIN);
- (v) Penerima Pajakan boleh memohon perlanjutan tempoh pajakan selepas tamat tempoh; dan
- (vi) pembiayaan pinjaman adalah berasaskan konsep **Al Ijarah** atau konsep lain yang **diharuskan oleh hukum Syara’ dan diluluskan oleh MAIN.**

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)
MENJAWAB

SOALAN : 43

YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Jabatan Peguam Negara untuk memastikan segala urusan kerja Jabatan Peguam Negara terjamin kesulitannya dan tidak berlaku sebarang kebocoran seperti apa yang berlaku baru-baru ini, apabila terbocornya surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Peguam Cara Negara III Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua

1. Jabatan Peguam Negara mengambil perhatian serius berhubung isu kebocoran maklumat rahsia rasmi Kerajaan. Dalam hal ini, Jabatan Peguam Negara telah mengambil langkah untuk memperketat lagi tahap kawalan rahsia rasmi Kerajaan di Jabatan ini. Antara langkah-langkah yang diambil ialah pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) memberi taklimat tentang pengendalian rahsia rasmi Kerajaan kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Peguam Negara. Langkah ini diambil sebagai peringatan dan kesedaran berterusan kepada semua pegawai dan kakitangan tentang kewajipan untuk pematuhan kepada peraturan dan arahan keselamatan yang berkuat kuasa seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan serta Aku Janji yang ditandatangani oleh semua penjawat awam.

2. **Zon larangan** penggunaan telefon bimbit atau peralatan komunikasi lain yang mampu merakam maklumat bagi mana-mana mesyuarat penting yang dikategorikan sebagai kritikal dan berisiko tinggi telah diwujudkan sebagaimana yang ditetapkan oleh surat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia bertarikh 31 Januari 2019 bagi mengelakkan penyebaran dan kebocoran maklumat rahsia rasmi Kerajaan.

3. Selain itu, Jabatan Peguam Negara juga mengambil langkah-langkah keselamatan dalam aspek Sistem Teknologi Maklumat (ICT) seperti berikut:

- i. Memastikan tatacara pengendalian dokumen rahsia rasmi Kerajaan secara *soft copy* adalah selari dengan pekeliling Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSA);
- ii. Melaksanakan projek penaiktarafan infrastruktur ICT yang bertujuan memperkukuh dan mempertingkatkan lagi aspek keselamatan rahsia rasmi Kerajaan di Jabatan Peguam Negara; dan
- iii. Bekerjasama dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bagi memastikan keselamatan ICT di Jabatan Peguam Negara terpelihara.

4. Jabatan Peguam Negara juga akan mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana pegawai yang didapati bertanggungjawab ke atas salah laku penyebaran rahsia rasmi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 44

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab utama kes Muhamad Adib terpaksa melalui prosiding inkues sedangkan siasatan pihak polis terhadap suspek telah pun dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan awal kes ini adalah di bawah Seksyen 307 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan berpandukan kepada laporan polis Putra Heights Repot 4378/18 bertarikh 27 November 2018 dan telah diklasifikasikan semula di bawah Seksyen 302 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan setelah mangsa meninggal dunia.

Memandangkan punca kematian dalam kes ini tidak diketahui maka peruntukan undang-undang di bawah Bab 32 Seksyen 328 Kanun Prosedur Jenayah digunapakai dengan menjalankan inkues bagi mendapatkan keterangan-keterangan berkaitan punca kematian.

Kes ini masih dalam proses Inkues di Mahkamah Koroner Shah Alam yang bermula pada 11 hingga 28 Februari 2019 dan 1,4,5 Mac 2019 serta akan bersambung pada tarikh-tarikh berikut:

- i. 19 hingga 29 Mac 2019; dan
- ii. 1 hingga 11 April 2019.

Selain siasatan melibatkan Muhamad Adib, PDRM juga telah membuka 46 kertas siasatan berhubung Insiden yang berlaku di Kuil Sri Maha Mariamman, Jalan USJ 25/1, Subang Jaya, Selangor dengan membuat tangkapan seramai 39 orang. Tujuh (7) individu telah dituduh di mahkamah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN

TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa gaji minimum sektor awam lebih tinggi berbanding dengan sektor swasta. (Kerajaan: RM1,200; Swasta: RM1,100).

PN-1412- L03536

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penetapan gaji minimum sektor awam adalah berdasarkan kelayakan akademik minimum iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), manakala gaji minimum sektor swasta pula terpakai kepada semua pekerja dalam sektor swasta tanpa perlu memiliki sebarang kelayakan akademik yang minimum. Kaedah penetapan gaji minimum sektor swasta adalah berbeza dengan sektor awam, di mana faktor kemampuan majikan atau *median wage* menjadi salah satu asas pertimbangan. Dalam hal ini, kadar gaji minimum sektor swasta yang telah ditetapkan adalah wajar bagi memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi serta memberikan perlindungan sosial yang mencukupi.

2. Secara dasarnya, gaji minimum sektor swasta (Perintah Gaji Minimum) akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun seperti yang ditetapkan dalam seksyen 25(1), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

3. Kesimpulannya, prinsip dan hasrat penetapan Gaji Permulaan Terendah Perkhidmatan Awam adalah berbeza dengan prinsip dan hasrat penetapan Gaji Minimum Sektor Swasta, dan tidak wajar dijadikan sebagai perbandingan mahupun untuk menyeragamkannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perincian aset-aset Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang diklasifikasikan sebagai tidak strategik dan perkembangan semasa berkaitan proses penjualannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini FELDA bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang merangka langkah jangka pendek dan sederhana serta jangka panjang dalam memastikan kedudukan aliran tunai FELDA dapat dipulihkan. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh FELDA adalah merasionalisasikan aset-aset FELDA, menstrukturkan semula pinjaman FELDA, mendapatkan bantuan kewangan dari Kerajaan dan kaedah-kaedah lain dalam memastikan kedudukan aliran tunai FELDA dapat dipulihkan.
2. Dalam proses rasionalisasi ini, FELDA dijangka melaksanakan penjualan aset-aset yang bukan strategik milik syarikat – syarikat subsidiari FELDA bagi hartanah di London, Sarawak dan Sabah yang dibeli pada kos sebanyak RM2.2 bilion. Pada masa ini, FELDA dan syarikat – syarikat subsidiari FELDA masih dalam proses untuk melaksanakan penjualan aset-aset yang bukan strategik tersebut.
3. Isu-isu dan langkah-langkah dalam pemulihan pengurusan kewangan dan tadbir urus FELDA akan dibentangkan secara terperinci dalam Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” pada minggu terakhir sidang Dewan Rakyat kali ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
8 April 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha dan perancangan pihak Kementerian dalam membantu menambah baik kemudahan infrastruktur pelancongan di kawasan Kundasang dan daerah Ranau amnya dalam tempoh dua tahun terakhir RMK-11, 2016-2020 dan juga RMK-12, 2021-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dibawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11), Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM31.2 juta bagi tiga (3) projek pembangunan *ecotourism* di kawasan Kundasang dan daerah Ranau. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Burlington Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM12 juta);
2. Projek Pembinaan Sistem Saliran Air dan Pembinaan Loji/Kumbahan Najis, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Sabah (RM5.4 juta); dan
3. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kawasan Layang-layang, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM13.8 juta).

Secara umumnya bagi cadangan pembangunan projek pelancongan di bawah RMKe-12 yang akan datang, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan agensi negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KEPKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sabah serta kawasan Kundasang dan daerah Ranau khususnya bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]
TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha bengkel-bengkel 1M yang melibatkan penjualan 'spare part' bagi membantu rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan Semakan yang dibuat ke atas senarai program dan aktiviti di Kementerian ini, Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak pernah melaksanakan apa-apa program berkaitan dengan Bengkel 1M.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : NO. 49

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta Perdana Menteri menyatakan senarai semua lantikan baru, terutamanya lantikan politik, ke lembaga pengarah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan berkanun sejak 9 Mei 2018 serta menyatakan langkah Kerajaan untuk menjaga integriti tadbir urus syarikat dan institusi.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebahagian usaha menambahbaik tadbir urus dan integriti Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), khususnya di bawah Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), tiada lantikan politik dibuat sejak 9 Mei 2018, melainkan terdapat keperluan yang munasabah.

Seperti amalan sedia kala, semua pelantikan ahli Lembaga Pengarah GLC dibuat berdasarkan merit dengan mengambilkira kelayakan profesional, pengalaman serta kemahiran yang bersesuaian dengan operasi dan bidang syarikat yang berkaitan.

SOALAN NO. 49

Berikut adalah senarai ahli Lembaga Pengarah Khazanah dan GLC terbesar terpilih di bawah dana strategik milik Khazanah setakat 1 Februari 2019:

1. Khazanah Nasional Berhad

Nama	Jawatan	Jawatan Politik	Catatan
YAB Tun Dr Mahathir Mohamad	Pengerusi	Perdana Menteri	Dilantik pada 30 Julai 2018
Dato' Seri Mohamed Azmin Ali	Lembaga Pengarah	Menteri Hal Ehwal Ekonomi	
Tan Sri Mohd Hassan Marican	Lembaga Pengarah	Tiada	
Goh Ching Yin	Lembaga Pengarah	Tiada	
Dr. Sukhdave Singh	Lembaga Pengarah	Tiada	
Datuk Shahril Ridza Ridzuan	Pengarah Urusan	Tiada	Dilantik pada 20 Ogos 2018

2. Telekom Malaysia Berhad

Nama	Jawatan	Jawatan Politik	Catatan
Rosli Bin Man	Pengerusi	Tiada	Dilantik pada 3 Disember 2018
Imri Mokhtar	Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif	Tiada	Dilantik pada 16 November 2018
Dato' Asri Hamidin @Hamidon	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 3 Oktober 2018
Dr. Farid Bin Mohamed Sani	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 1 Januari 2019
Dato' Mohd Naim Daruwish	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 3 Oktober 2018
Datuk Zalekha Hassan	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 9 Januari 2008
Gee Siew Yoong	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 13 Mac 2014
YM Tunku Afwida Tunku Dato' A. Malek	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 28 April 2016
Balasingham A. Namasiwayam	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 28 April 2016
Hisham Zainal Mokhtar	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 3 Oktober 2018
Saheran Suhendran	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 3 Oktober 2018
Faisal @ Pisal Abdul Ghani	Lembaga Pengarah Silih Ganti	Tiada	Dilantik pada 31 Disember 2018

3. Tenaga Nasional Berhad

Nama	Jawatan	Jawtaan Politik	Catatan
Tan Sri Leo Moggie*	Pengerusi	Tiada	
Datuk Seri Ir. Azman bin Mohd	Ketua Pegawai Eksekutif	Tiada	
Gopala Krishnan A/L K. Sundaram	Lembaga Pengarah	Tiada	
Ong Ai Lin	Lembaga Pengarah	Tiada	
Gee Siew Yoong	Lembaga Pengarah	Tiada	
Noraini binti Che Dan	Lembaga Pengarah	Tiada	
Juniwati Rahmat Hussin	Lembaga Pengarah	Tiada	
Amran Hafiz bin Affifudin	Lembaga Pengarah	Tiada	
Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir	Lembaga Pengarah	Tiada	

* Tan Sri Leo Moggie pernah memegang jawatan Menteri Tenaga, Komunikasi & Multimedia [1998 – 2004], Menteri Tenaga, Komunikasi & Pos [1978 – 1989 dan 1995 - 1998] dan Menteri Kerjaraya [1989 – 1995]

4. Malaysia Airports Holdings Berhad

Nama	Jawatan	Jawatan Politik	Catatan
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali	Pengerusi	Tiada	Dilantik pada 18 Januari 2019
YM Raja Azmi Raja Nazuddin	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan	Tiada	
Datuk Siti Zauyah Binti Md Desa	Lembaga Pengarah	Tiada	
Dato' Mohd Izani bin Ghani	Lembaga Pengarah	Tiada	
Puan Jamilah Dato' Hashim	Lembaga Pengarah	Tiada	
Datuk Seri Yam Kong Choy	Lembaga Pengarah	Tiada	
Datuk Zalekha binti Hassan	Lembaga Pengarah	Tiada	
Rosli bin Abdullah	Lembaga Pengarah	Tiada	
Dato' Ir. Haji Mohamad bin Husin	Lembaga Pengarah	Tiada	
Datuk Azailiza binti Mohd Ahad	Lembaga Pengarah	Tiada	
Ramanathan Sathiamutty	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 1 Januari 2019

5. Malaysia Airlines Group Berhad

Nama	Jawatan	Jawatan Politik	Catatan
Izham bin Ismail	Ketua Pegawai Eksekutif	Tiada	
Tan Sri Tan Boon Seng @ Krishnan	Lembaga Pengarah	Tiada	
Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani bin Mohd Isa	Lembaga Pengarah	Tiada	
David Lau Ngai Pek	Lembaga Pengarah	Tiada	
Dr. Mohamadon bin Abdullah	Lembaga Pengarah	Tiada	
Sheranjiv a/l M Sammanthan	Lembaga Pengarah	Tiada	
Mohammad Izani bin Ashari	Lembaga Pengarah	Tiada	
Ahmad Zulqarnain Che Onn	Lembaga Pengarah	Tiada	Dilantik pada 26 November 2018
Foo Shiou Voon	Lembaga Pengarah Silih Ganti	Tiada	Dilantik pada 26 November 2018

Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menjaga integriti tadbir urus syarikat dan institusi adalah melalui pemantauan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC). Di dalam pelan tersebut, terdapat dua (2) inisiatif di bawah Strategi 1 dan 2 bagi menambah baik sistem tadbir urus syarikat dan institusi milik kerajaan iaitu:

- i. Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademi dan/atau kelayakan profesional sahaja (Strategi 1); dan
- ii. Menguruskan penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Badan Berkanun (Strategi 2).

SOALAN NO. 49

Bagi menambah baik sistem ini, kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 akan melaksanakan perkara-perkara berikut:

Bidang keutamaan	Objektif Strategik	Inisiatif	Agensi Peneraju	Tempoh Pelaksanaan
Tadbir Urus Politik <u>Strategi 1:</u> Memperkuh Akauntabiliti dan Integriti Politik	1.3: Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Tempatan	Memperkenalkan dasar berhubung pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhadap Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja	i. Jabatan Perdana Menteri (JPM) ii. Kementerian Kewangan (MOF)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
Tadbir Urus Politik <u>Strategi 1:</u> Memperkuh Akauntabiliti dan Integriti Politik	1.3: Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Tempatan	Memperkenalkan dasar yang jelas bagi menyekat campur tangan politik dalam membuat keputusan mengenai pemecatan dan pelantikan Pengerusi / Ahli Lembaga Pengarah /	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)

SOALAN NO. 49

Bidang keutamaan	Objektif Strategik	Inisiatif	Agensi Peneraju	Tempoh Pelaksanaan
		Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan Kerajaan		
Pentadbiran Sektor Awam <u>Strategi 2:</u> Memperkuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik	Menggubal dasar dalam mengurus penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Badan Berkanun	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Jabatan/ Agensi di Peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)
Tadbir Urus Korporat <u>Strategi 6:</u> Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat	6.1: Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak yang Mengawal Entiti Korporat	Mengenakan perisytiharan penuh ke atas semua Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berkaitan perkara berikut:	i. Kementerian Kewangan (MOF) ii. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) iii. Jabatan Perdana Menteri (JPM) iv. Agensi Persekutuan dan Agensi	Tempoh 2 tahun (Jan 2019-Dis 2020)

SOALAN NO. 49

Bidang keutamaan	Objektif Strategik	Inisiatif	Agensi Peneraju	Tempoh Pelaksanaan
		i. pegangan saham pengurusan kanan samada secara langsung dan tidak langsung ii. jawatan seseorang ahli lembaga pengarah dan mana-mana jawatan utama di syarikat awam yang lain (disenaraikan atau pun tidak) iii. ganjaran seseorang pengarah secara terperinci iv. ganjaran yang diterima oleh pengurusan kanan berdasarkan <i>band</i>	Kerajaan Negeri yang berkaitan	

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN]

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : NO. 50

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **Perdana Menteri** menyatakan senarai dan menjelaskan dengan jujur, tepat dan faktual mengenai penjualan saham syarikat-syarikat di bawah GLC sejak Bajet 2019 diluluskan dan yang bakal dijual serta sebab-sebab syarikat yang untung turut dijual, jika ianya benar berlaku dan jumlah keuntungan yang telah diperolehi bagi setiap syarikat yang telah dijual itu.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebahagian daripada proses semakan portfolio yang lazim, Khazanah akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset-aset sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan pulangan sasarannya. Ini merupakan rasional utama bagi sebarang pelupusan yang dilakukannya.

Setiap satu peluang pelupusan akan dinilai berdasarkan sasaran kewangan dan juga sasaran strategik yang ditetapkan, yang turut bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan, kualiti dan kredibiliti pembeli, memandangkan pelupusan itu sendiri sememangnya bersifat oportunistik.

SOALAN NO. 50

Berikut adalah senarai pelupusan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam terpilih yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) antara Januari sehingga Disember 2018, mengikut tahun pelaporan kewangannya:

Syarikat	Industri	Negara penyenaraian	Jumlah Hasil RM juta	Catatan
CIMB Group Holdings Berhad	Institusi Perbankan	Malaysia	363	Tiada maklumat pembeli*
BDO Unibank Inc	Institusi Perbankan	Philippines	360	
Infosys Limited	Pengguna	India	284	
PT Charoen Pokphand Indonesia	Pengguna	Indonesia	222	
Titan Industries Limited	Pengguna	India	212	

**Kesemua pelupusan yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah bagi syarikat-syarikat tersenarai awam sahaja. Sesetengah pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah dalam syarikat-syarikat yang tersenarai awam dilakukan di pasaran awam sekunder (open secondary market). Sehubungan itu, Khazanah tidak mempunyai senarai pembeli untuk pelupusan tersebut.*

Khazanah tidak dapat menyatakan secara terperinci aset-aset yang bakal dilupuskannya pada tahun kewangan semasa memandangkan ia memerlukan kelulusan pihak tertentu termasuk Lembaga Pengarah serta pihak pengawal selia, baik di dalam mahupun di luar negara, bagi memastikan ia dilaksanakan secara tertib dan teratur serta menurut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan carta aliran permohonan "Malaysia My Second Home" (MM2H) dan apakah peranan Kementerian Pelancongan dan Kementerian Dalam Negeri dalam kelulusan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah memutuskan bahawa semua permohonan baharu untuk penyertaan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) serta permohonan visa lawatan jangka panjang ke Malaysia hendaklah mendapat kelulusan YB Menteri Dalam Negeri (YB MDN).

Susulan itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN), telah menggariskan prosedur kelulusan baru Program MM2H melibatkan perubahan terma Mesyuarat Jawatankuasa Khas Program MM2H kepada Mesyuarat Jawatankuasa Peraku MM2H dengan perubahan fungsinya daripada meluluskan semua permohonan MM2H kepada memperakukan semua permohonan MM2H kepada YB MDN. Mesyuarat tersebut kekal dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) (penurunan kuasa kepada Timbalan Ketua Setiausaha, MOTAC) dan Ketua Pengarah, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) (penurunan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah, JIM).

Berikutan daripada keputusan-keputusan tersebut, MOTAC melalui Pusat MM2H telah menjalankan fungsinya sebagai urus setia untuk memproses permohonan warga asing untuk tujuan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peraku MM2H, manakala KDN melalui YB MDN berperanan untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan warga asing yang telah diperakukan dalam Mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 52

Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kementerian untuk membendung gejala “Ijazah Palsu” di negara kita. Apakah kesan integriti seseorang itu terhadap pimpinannya kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996).

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS antaranya:

- 1) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyak menawarkan atau menjual sijil kelayakan akademik palsu secara atas talian. Bantuan Kementerian Luar Negeri turut dipohon oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menyerahkan nota diplomatik kepada negara-negara lain memaklumkan pihak berkuasa negara tersebut bahawa terdapatnya hos pelayan (*server*) yang menawarkan perkhidmatan penjualan kelayakan akademik palsu secara atas talian;
- 2) Berkongsi maklumat siasatan dan risikan dengan agensi penguatkuasa lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya bagi kes-kes penawaran kelayakan akademik palsu yang didalangi oleh sindiket tertentu serta boleh mendatangkan kerugian ke atas mana-mana pihak;
- 3) Memberi penerangan dari masa ke semasa kepada masyarakat bagi meningkatkan tahap kesedaran serta sentiasa berwaspada dengan menyemak status program pengajian yang diluluskan melalui *Malaysia Qualification Agensi* (MQA) dan KPM sekiranya melibatkan institusi dalam negara dan sekiranya institusi luar negara, ianya boleh disemak melalui pihak berkuasa negara berkenaan; dan

4) Menggalak dan menyarankan Institusi-institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menggunakan teknologi dan ciri-ciri keselamatan terkini bagi memelihara ketulenan dan kesahihan maklumat yang dipaparkan sijil, diploma dan ijazah yang dikeluarkan. Terdapat IPT dalam negara yang telah membangunkan mekanisme semakan rekod kelayakan akademik yang efisien dan mesra pengguna seperti penggunaan *QR Code* pada sijil. Dengan ini proses semakan menjadi lebih mudah dan maklumat yang tepat dan dipercayai dapat dikemukakan kepada pengguna.

Dalam pada itu, aspek integriti dan profesionalisme tenaga pengajar akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang dikawalselia oleh Kementerian sentiasa dipastikan supaya berada pada tahap piawaian yang telah ditetapkan dan tidak menggunakan kelulusan akademik palsu untuk tujuan mengajar. Seksyen 51, Akta 555 memperuntukkan bahawa tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

Sekian, terima kasih

RJM 136

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pembinaan "*Labuan Integrated Port*" akan dimulakan memandangkan ianya sudah dalam perancangan melebihi 15 tahun.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelabuhan Labuan sebelum ini dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan melalui punca kuasa *Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952, Section 474 to 485* dan *Boat Rules, 1953 (No.70/1952)*. Pada 31 Januari 2017, Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) ditubuhkan bagi menjalankan fungsi kawal selia dan meningkatkan daya saing Pelabuhan Labuan.
2. Pada masa ini, Pelabuhan Labuan mempunyai Dermaga Merdeka berukuran 244 meter panjang, menyediakan kemudahan bagi menjalankan operasi pengendalian kargo, perkhidmatan kontena serta perkhidmatan penyimpanan. Statistik pencapaian Pelabuhan Labuan dari tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Butiran	Tahun 2018	Tahun 2017	Tahun 2016
Jumlah Kargo (tan)	396,319	245,248	398,767
Jumlah Kontena (TEUs)	23,940	21,961	22,977
Bilangan Singgahan Kapal	615	528	479

3. Pembangunan sesebuah pelabuhan adalah amat bergantung kepada aktiviti-aktiviti ekonomi dan industri bagi menggiatkan pertumbuhan kargo untuk tujuan import dan eksport. Sehubungan itu, Kerajaan merancang untuk melaksanakan satu kajian yang holistik bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk memperhalusi modal pembangunan pelabuhan dan perancangan

NO. SOALAN: 53

program ekonomi dalam menggiatkan aktiviti industrilisasi Pulau Labuan dalam usaha membangunkan Labuan Integrated Port.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 08 APRIL 2019

SOALAN : 54

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menjunjung kedaulatan Raja-Raja Melayu:-

- (a) Kenapa Majlis Keberangkatan Pulang Yang di-Pertuan Agong ke-15 tidak diadakan; dan
- (b) apakah Kerajaan ada menasihati Yang di-Pertuan Agong ke-15 agar meletakkan jawatan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi amalan di peringkat Persekutuan, tatkala Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menamatkan tempoh pemerintahan Baginda, dua istiadat berturutan akan diadakan iaitu Jamuan Negara dan Istiadat Keberangkatan Balik. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan istiadat-istiadat berkenaan masing-masing pada 29 Januari 2019 (Selasa) dan 30 Januari 2019 (Rabu). Namun begitu, kelaziman pelaksanaan istiadat-istiadat berkenaan adalah tertakluk kepada perkenaan Seri Paduka Baginda Tuanku jua.
- (b) Urusan peletakkan jawatan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) ke-15 adalah selaras dengan Perkara 32(3) Perlembagaan Persekutuan. Baginda telah memaklumkan perkara ini secara rasmi kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja melalui warkah yang telah diutuskan kepada Setiausaha Majlis Raja-raja. Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak mencampuri urusan peletakan jawatan YDPA.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 55

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa sekolah-sekolah bantuan penuh berikut tidak mendapat apa-apa peruntukan untuk penjagaan dan membaik pulih bangunan dan peralatan yang rosak sungguhpun telah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan :-

- a) SRJK (C) Simpang Lima di Simpang Lima, Sitiawan, Perak dan SRJK (C) Sungai Batu di Sungai Batu, Pantai Remis, Perak; dan
- b) SRJK (C) Kampung Jering di Kampung Jering, Ayer Tawar, Perak dan SRJK (C) Ayer Tawar di Kampung Baru, Ayer Tawar, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pejabat Pendidikan Daerah Manjung telah pun menyalurkan beberapa peruntukan kecil bagi membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang dialami di sekolah-sekolah berkenaan. Bagi SJKC Simpang Lima, Kampung Koh, sebanyak RM20,010.00 telah disalurkan bagi pembaikan kecil sebahagian bumbung asbestos yang reput dan bocor di bawah program Projek Undi Projek Penambahbaikan dan Penyenggaraan Sekolah Menggunakan Tabung Khas (PPKHAS) KPM Tahun 2018. Bagi SJKC Sungai Batu, Pantai Remis pula, sebanyak RM28,940.36 telah disalurkan untuk pembaikan kecil penggantian pagar perimeter sekolah dari jenis binaan *chainlink* di bawah program Projek Undi PPKHAS KPM Tahun 2017.

Pada tahun 2018, di bawah program peruntukan Dasar Sedia Ada KPM, sebanyak RM10,000.00 telah disalurkan untuk penggantian sebahagian bumbung asbestos yang reput dan bocor di blok prasekolah dan kantin di SJKC Ayer Tawar. Manakala bagi SJKC Kampung Jering pula, keperluan penyelenggaraan di sekolah tersebut sedang diteliti oleh KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Sekian, terima kasih

RJM 134

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 56

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan pelantikan Ahli-Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya melalui proses perakuan oleh Parlimen.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, pelantikan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya dibuat melalui Perkara 114(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Penambahbaikan pelantikan ini akan dilaksanakan apabila semua proses yang berkaitan dimuktamadkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 57

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah penyelesaian terhadap isu Sekolah Sukan Negeri :-

- a) sekolah Sukan Negeri kini dikategorikan sebagai sekolah biasa dan menerima peruntukan makanan dan kelengkapan hanya seperti sekolah kerajaan biasa dan bukan seperti Sekolah Sukan Malaysia; dan
- b) keadaan Sekolah Sukan Negeri Wilayah Persekutuan di SMK Seri Titiwangsa yang digelar daif oleh media dan tidak ditempatkan di tapak Bandar Seri Permaisuri yang mempunyai kemudahan sukan yang lengkap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Sekolah Sukan Negeri (SSN) telah beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah sekolah sukan dengan pelaksanaan latihan sukan secara sepenuh masa, terancang dan bersistematik bermula pada tahun 2009. Penubuhan SSN adalah sebagai pelengkap kepada proses pembangunan sukan serta kesinambungan kepada program sukan di peringkat akar umbi hingga ke peringkat negeri dan kebangsaan. Selain itu, SSN berperanan sebagai penyalur (*feeder*) kepada atlet murid yang cemerlang dan berbakat bagi kemasukan ke Sekolah Sukan Malaysia (SSM).

Status pengoperasian SSN masih sebagai sekolah harian biasa di bawah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Pengurusan sekolah-sekolah ini adalah melalui mekanisme sistem pengurusan sekolah harian biasa yang tidak tertakluk kepada kadar peruntukan makanan seperti Sekolah Sukan Malaysia yang berada di bawah Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, KPM melalui Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni sedang dalam usaha menyemak semula kadar peruntukan makanan atlet murid di SSN dan kelengkap di semua sekolah tersebut. Kertas cadangan sedang disediakan sebelum dibentangkan di peringkat pengurusan tertinggi KPM.

b) Pemilihan Sekolah Sukan Negeri (SSN) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan memberi pertimbangan terhadap kemudahan asrama, bilik darjah dan juga kemudahan sukan. Sebelum tahun 2010, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mencadangkan supaya SMK Tinggi Setapak dijadikan sebagai Sekolah Sukan Negeri WP Kuala Lumpur. Namun, JPN WP Kuala Lumpur telah memutuskan untuk memilih SMK Seri Titiwangsa sebagai Sekolah Sukan Negeri.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, kemudahan sukan di sekolah berkenaan berada dalam keadaan yang kurang baik dan memerlukan

kerja pembaikan atau penyelenggaraan supaya dapat digunakan untuk tujuan latihan atau pertandingan oleh atlet murid. Pada tahun ini, pihak KPM telah memberi kelulusan sebanyak RM500,000.00 untuk tujuan penyelenggaraan kemudahan sukan yang telah mengalami kerosakan. Di samping itu, KPM juga telah mengangkat permohonan peruntukan RMKe-11 bagi tahun 2020 dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM2.6 juta.

Untuk makluman, cadangan untuk memindahkan Sekolah Sukan Negeri WP Kuala Lumpur ke SMK Seri Permaisuri, Cheras memerlukan penelitian lebih lanjut kerana sekolah berkenaan tidak mempunyai kemudahan asrama dan dewan makan. Selain itu, beberapa kemudahan sukan sedia ada di sekolah berkenaan juga memerlukan kerja pembaikan supaya berada dalam keadaan yang lebih kondusif, selamat digunakan di samping mencapai piawai untuk tujuan latihan dan pertandingan.

Sekian, terima kasih

RJM 135

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 59

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kementerian ada perancangan untuk menambah kakitangan PDRM dan juga kereta peronda di setiap kawasan hitam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi menambahkan lagi perjawatan dan kemudahan-kemudahan lain kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta merangka silibus baru untuk melahirkan pegawai dan anggota polis yang berpengetahuan, berakhlak dan berintegriti tinggi bermula daripada latihan asas sehingga ke alam pekerjaan bagi memastikan perkhidmatan bertaraf "*World Class Policing*" dapat diberikan kepada rakyat.

Dalam mencapai objektif ini, PDRM telah menyediakan kertas kerja cadangan penambahan perjawatan baharu bagi tujuan pengukuhan di Balai-balai Polis, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard serta meletakkan cadangan tersebut sebagai keutamaan dalam senarai cadangan permohonan perjawatan baharu bagi tahun 2019.

Selain itu, PDRM juga dalam tindakan untuk menyediakan kertas kerja cadangan untuk mewujudkan dan menaik taraf beberapa perjawatan kritikal bertaraf "*command post*" berdasarkan kepada kewajaran dan keutamaan melalui kaedah *trade off*.

Walaupun, Kementerian sedar akan kekangan dan dasar semasa Kerajaan yang masih membekukan pewujudan perjawatan baharu melalui Pekeliling Perbendaharaan (Garis Panduan Langkah - Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan). Dalam memastikan penggunaan sumber manusia secara optimum dilaksanakan dengan penuh berhemah PDRM akan melaksanakan pengambilan pelatih baru bagi tahun 2019 yang diunjurkan sebanyak 7,410 pelatih untuk mengisi kekosongan sedia ada serta kekosongan disebabkan "*attrition*".

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : 60

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penduduk Malaysia berbilang kaum iaitu Bumiputra sebanyak 69%, Cina sebanyak 22.5%, India sebanyak 7% serta lain-lain sebanyak 1.5%. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuat pindaan supaya pemilihan wakil rakyat Parlimen dan negeri berdasarkan kaum. Pendekatan sebegini akan membolehkan demokrasi berjalan dengan sihat tanpa isu perkauman yang menakutkan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai cadangan untuk membuat pindaan supaya pemilihan wakil rakyat Parlimen dan Negeri berdasarkan kepada kaum pada masa ini. Ini memandangkan pemilihan sesuatu calon adalah tertakluk kepada pemilihan yang dibuat oleh parti politik yang berkaitan. Justeru, peruntukan undang-undang yang ditetapkan untuk menjadi calon telah dinyatakan secara jelas di bawah Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA (SUNGAI BESAR)

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : NO. 61

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat berkaitan apakah geran-geran yang telah disediakan oleh Kementerian kepada NGO-NGO di peringkat kawasan Parlimen dan maklumat tersebut diperjelaskan kepada setiap Ahli Parlimen.

**JAWAPAN : YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat pelbagai jenis geran yang disediakan oleh Kementerian-Kementerian khususnya kepada NGO sama ada di peringkat Kawasan Parlimen ataupun di peringkat kebangsaan. NGO boleh memohon peruntukan daripada Kementerian/Agensi berkaitan berdasarkan kepada kesesuaian dan objektif penubuhan NGO berkenaan.

Sebagai panduan, Persatuan Penduduk boleh merujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Persatuan Belia boleh merujuk kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) atau Persatuan/Badan Keusahawanan boleh merujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan (MED).

Selain daripada contoh yang dinyatakan, terdapat banyak lagi geran lain yang disediakan oleh Kementerian-Kementerian. Adalah lebih sesuai Kementerian-Kementerian berkenaan dirujuk terus untuk mendapatkan maklumat terperinci berkenaan geran-geran yang disediakan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 63

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memandangkan kos untuk pemilikan rumah mampu milik di kawasan bandar pada hari ini seperti Rumah WIP juga telah menjangkau lebih daripada RM300,000 dan rata-rata anak muda tidak mampu memilikinya kerana faktor gaji rendah, adakah Kementerian akan merancang untuk membina rumah mampu milik yang bernilai diantara RM60,000 ke RM150,000 untuk membantu golongan anak muda memiliki rumah. Jika ada, bilakah anggaran masanya. Jika tidak, bagaimanakah Kerajaan melalui Kementerian ingin membantu golongan anak muda seperti ini dan adakah Kerajaan mampu memperuntukan subsidi selain daripada diskaun pemilikan rumah pertama.

SOALAN NO. 63

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menggubal Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan. Dasar ini diwujudkan untuk merealisasikan Dasar Perumahan Negara di Wilayah Persekutuan disamping menggariskan hala tuju dan menjadi dokumen asas kepada agensi-agensi di bawah KWP iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam merancang serta menimbang sebarang permohonan perancangan penyediaan rumah mampu milik dengan lebih berkesan di Wilayah Persekutuan. Mulai 1 Februari 2019, Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan telah dijenamakan semula sebagai **Residensi Wilayah**. Penetapan sasaran baru bagi tempoh 10 tahun mulai 2019 - 2028 adalah sebanyak 80,000 unit; dan sasaran tahunan ditetapkan pada kadar 8,000 - 10,000 unit rumah mampu milik setahun.

KWP telah menetapkan harga yang ditawarkan bagi Residensi Wilayah, hendaklah tidak lebih daripada RM300,000.00 seunit. Ini adalah harga siling yang ditetapkan bagi memastikan sesuatu projek itu berdaya maju kepada pemaaju serta menawarkan pemilikan kediaman dalam julat harga yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan sederhana atau M40. Di samping itu, saiz minimum ditingkatkan daripada 800 kaki persegi kepada 900 kaki persegi.

Residensi Wilayah tidak menerima sebarang dana daripada kerajaan pusat atau apa-apa dana mudah cara dalam pelaksanaan program ini. Sehubungan itu, pemaju yang membangunkan Residensi Wilayah sukar untuk membina rumah mampu milik yang berharga di bawah RM150,000.00 kerana program ini merupakan inisiatif swasta sepenuhnya tanpa sebarang subsidi. Di samping itu, sumber tanah yang terhad dan nilai harga tanah yang tinggi di Kuala Lumpur menyebabkan pembinaan rumah mampu milik yang berharga di bawah RM150,000.00 tidak berdaya maju untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan sehingga kini telah membangunkan 13 projek yang meliputi 8,591 unit rumah mampu milik yang dijual di bawah harga RM200,000.00.

Permohonan bagi pembangunan Residensi Wilayah oleh pihak pemaju akan diberikan laluan pantas atau *Green Lane* untuk mempercepatkan proses kelulusan Perintah Pemajuan (DO). Pemberian insentif pembangunan dalam bentuk pengecualian caj pembangunan bagi menggalakkan pemaju membangunkan rumah mampu milik mengikut peratusan rumah mampu milik yang akan dibina.

Antara program KWP dalam membantu golongan anak muda di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan projek perumahan **Council Home** sebanyak 1,251 unit dengan keluasan 800 kaki persegi di Sungai Udang, Segambut. Council Home tersebut akan disewakan kepada belia yang bekerja di Kuala Lumpur pada kadar RM800.00 sebulan bagi tempoh lima (5) tahun.

SOALAN NO. 63

Kadar sewaan bulanan yang dikutip oleh DBKL adalah sebanyak RM500.00 manakala baki RM300.00 merupakan deposit simpanan. Di akhir tempoh penyewaan selama lima (5) tahun, sejumlah RM18,000.00 akan dikembalikan semula kepada penyewa supaya boleh digunakan sebagai wang deposit untuk membeli rumah mampu milik yang baharu. Projek Council Home tersebut dijangka siap pada tahun 2020.

Bilik *Micro-Capsules* juga akan disediakan oleh pihak DBKL kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang belum berkahwin dan berpendapatan rendah untuk menyewa bilik pada kadar sewa serendah RM100 di bawah "***micro-housing scheme***". Sebanyak dua (2) blok perumahan berjumlah 200 unit dijangka disiapkan pada pertengahan tahun 2019. Inisiatif tersebut merupakan satu usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh golongan bujang dalam kumpulan B40 mencari bilik yang mampu untuk disewa di Kuala Lumpur. Skim ini mewajibkan penyewa menamatkan penyewaan sebaik sahaja bertukar status daripada bujang kepada berkahwin.

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat tambahan berkaitan program-program bantuan perumahan yang lain boleh merujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 8 APRIL 2019

SOALAN : NO. 64

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Rimbunan Kaseh seluruh negara khususnya di Rantau Abang, Dungun.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Rimbunan Kaseh (RK) merupakan inisiatif pihak Kerajaan yang telah dimulakan pada tahun 2012 bertujuan untuk membangunkan kawasan luar bandar secara mampan menerusi penyediaan rumah dan peluang pekerjaan menerusi aktiviti pertanian bernilai tinggi dan berteknologi moden. Pelaksanaan program ini adalah secara kerjasama strategik antara pihak Kerajaan Persekutuan selaku pembiaya dan Kerajaan Negeri selaku pemilik dan pelaksana program.

Terdapat tujuh RK yang telah siap dan beroperasi iaitu di negeri Pahang, Melaka, Perak, Kedah, Terengganu, Negeri Sembilan dan Sarawak melibatkan seramai 477 orang peserta.

SOALAN NO. 64

Program RK Terengganu yang terletak di Rantau Abang, Dungun telah memulakan operasi pada 15 Julai 2015 dengan peserta seramai 85 orang. Peserta disediakan dengan kemudahan perumahan yang lengkap dengan ameniti sosial dan infrastruktur serta komponen pertanian untuk melaksanakan aktiviti ekonomi tanaman melon dan ternakan ikan. Setelah tamat tempoh pengurusan syarikat peneraju pada 31 Disember 2018, pengurusan dan pengoperasian RK Terengganu terletak di bawah tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri Terengganu menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu selaku agensi pemilik dan Pejabat Daerah Dungun sebagai agensi pelaksana.

Pada ketika ini, kerja-kerja pembaikan bumbung rumah hijau serta pembaikan kerosakan di sekitar RK Terengganu sedang dijalankan dan dijangka siap pada 1 April 2019. Pelaksanaannya dipantau oleh Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
PERTANYAAN : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
TARIKH : 8.4.2019 (ISNIN)

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada Kementerian akan memantau dan bertindak agar para peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga makanan dan minuman secara tidak munasabah, ekoran daripada pelaksanaan duti eksais gula 40 sen/liter mulai 1 April 2019.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) bermula 1 September 2018 dan mengambil kira kenaikan duti eksais gula mulai April 2019, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mengambil perhatian terhadap aduan-aduan pengguna bagi memastikan peniaga mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan.

Kementerian telah mengatur beberapa langkah susulan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** bagi menangani isu harga barang seperti berikut:

- a. penguatkuasaan terhadap pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2018** yang mula berkuatkuasa pada **6 Jun 2018**;
- b. pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi **seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara di bawah **Operasi Catut 5.0** bermula pada 8 Ogos 2018;

- c. pengeluaran **Notis** bertulis di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan; dan
- d. penguatkuasaan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** yang mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga.

Justeru itu, dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut matlamat Kerajaan untuk menangani isu harga barangan pada masa ini dapat dicapai. Kementerian berharap, usaha-usaha ini akan dapat membantu memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya dan seterusnya menangani isu harga barangan dengan lebih baik demi menjaga kepentingan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 8 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 66

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status rundingan Malaysia-Singapura berkaitan konflik ruang udara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) Lapangan Terbang Seletar yang didakwa diterbitkan secara berat sebelah sekaligus mengakibatkan pencerobohan kedaulatan ruang udara negara di selatan Johor.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada 1 Disember 2018, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) telah menyiarkan tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP) yang akan berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019, tanpa persetujuan Malaysia.
2. Susulan tindakan tersebut, pada 5 Disember 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menyerahkan Nota Bantahan kepada Singapura melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia. Nota Bantahan ini antara lain mendesak supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam SAIP.
3. Pada 12 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media yang antara lain menegaskan bahawa Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) tidak pernah bersetuju atau memberi sebarang kelulusan kepada CAAS terhadap penyiaran tatacara tersebut. Di samping itu, Malaysia turut mencadangkan supaya Singapura mewujudkan alternatif ILS untuk Landasan 03 di bahagian selatan Lapangan Terbang Seletar, Singapura tanpa perlu melalui ruang udara Pasir Gudang, Johor.
4. Pada 25 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menyiarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mewujudkan satu Kawasan Larangan Kekal (*permanent restricted area*) atau lebih dikenali sebagai R.A. di ruang udara Pasir Gudang, Johor (di antara 2,000 hingga 5,000 kaki) yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019.
5. Penyiaran NOTAM tersebut adalah selaras dengan *Article 9(a) Convention of International Civil Aviation 1944 (Chicago*

Convention) yang membenarkan sesebuah negara untuk mengisytiharkan '*restricted area*' atau '*prohibited area*' di ruang udara kedaulatannya atas sebab-sebab keperluan ketenteraan atau keselamatan awam. Ia juga adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM di bawah seksyen 24(o) Akta Penerbangan Awam 1969 untuk menyiarkan NOTAM berkenaan.

6. Pengisytiharan R.A adalah bagi membolehkan aktiviti ketenteraan dilaksanakan di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pengisytiharan tersebut juga boleh menghalang kemungkinan sebarang pencerobohan ruang udara kedaulatan negara.
7. Pewujudan R.A. ini turut tidak akan menjejaskan operasi penerbangan pesawat yang menggunakan tatacara visual approach sedia ada untuk pendaratan melalui Landasan 21 di bahagian utara di Lapangan Terbang Seletar, Singapura.
8. Berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar pada 3 Januari 2019, Malaysia mewujudkan R.A. berkenaan dengan menyiarkan NOTAM dengan mengambil kira tempoh sekurang-kurangnya 7 hari mengikut piawaian antarabangsa bagi penguatkuasaan bermula pada 2 Januari 2019 .
9. Sejurus rundingan antara YB Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Singapura pada 8 Januari 2019, kedua-dua prosedur ILS dan R.A. digantung secara serentak untuk tempoh sebulan agar penyelesaian terbaik dapat dicapai oleh kedua-dua pihak.
10. Pada mesyuarat peringkat Menteri Pengangkutan pada 23 Januari 2019, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melanjutkan penggantungan pelaksanaan ILS dan R.A. sehingga 31 Mac 2019 bagi memberi ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) dan Civil Aviation Authority Singapura (CAAS). Setakat ini, CAAM dan CAAS telah mengadakan empat (4) mesyuarat untuk membincangkan cadangan tatacara pendaratan alternatif iaitu

Required Navigation Performance (RNP) bagi Lapangan Terbang Seletar.

11. Selanjutnya, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu kumpulan kerja untuk membincangkan tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura melalui Surat Perjanjian *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures and Overflights* (OLOA 1974). Terma rujukan bagi jawatankuasa ini sedang dirundingi oleh kedua-dua pihak.
12. Berasaskan kepada semangat kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara, bermula jam 2359, 5 April 2019 pihak Singapura telah menarik balik penyiaran tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP). Manakala, Malaysia telah bersetuju untuk meneruskan penggantungan pelaksanaan RA untuk satu tempoh yang tidak ditetapkan bermula 2359, 5 April 2019. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai hak untuk melaksanakan semula pelaksanaan RA tersebut pada bila-bila masa melalui notifikasi kepada Singapura.
13. Merujuk tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor yang selama ini (semenjak tahun 1974) diwakilkan kepada Singapura untuk tujuan penyediaan perkhidmatan kawalan trafik udara, pihak Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018, 22, 23 Januari 2019, 22 Mac 2019 dan 3 April 2019 juga telah memaklumkan Singapura berkenaan rancangan Malaysia untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya secara berperingkat, iaitu peringkat pertama dijangka sekitar akhir tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada tahun 2023.
14. Rancangan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyelaraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara pihak penyedia perkhidmatan pengemudian udara (*air navigation services provider*)

di kedua-dua negara, demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, cekap dan teratur.

15. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberi perhatian utama.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN
MOHAMED [JELI]**

TARIKH : 8 APRIL 2019

MENJAWAB

SOALAN : 67

YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tindakan saman yang diambil Peguam Negara ke atas Kerajaan Negeri Kelantan berhubung masalah Orang Asli Temiar. Sementara menunggu keputusan mahkamah, apakah langkah sementara yang akan diambil oleh Kerajaan untuk melindungi hak mereka.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua

1. Jabatan Peguam Negara telah memfailkan Writ Saman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan berserta agensi berkaitan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga lima (5) syarikat persendirian yang telah diberikan lesen dan/atau kebenaran oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan aktiviti komersil dan kerja-kerja di atas tanah yang dituntut di Pos Simpor, Gua Musang bagi mendapatkan keuntungan.
2. Sementara menunggu keputusan mahkamah, untuk melindungi hak Orang Asli Temiar di Gua Musang, Jabatan Peguam Negara telah memfailkan Notis Permohonan untuk Injunksi Interim terhadap kelima-lima syarikat tersebut bagi menghalang kesemua syarikat itu atau mana-mana ejen mereka, syarikat subsidiari atau kontraktor atau selainnya daripada memasuki tanah yang dituntut dan menjalankan aktiviti pembalakan atau apa-apa aktiviti komersil dan kerja-kerja di atas tanah bagi mendapatkan keuntungan.
3. Setakat hari ini, empat daripada syarikat yang telah disaman telah memfailkan Pembelaan dan Afidavit Jawapan masing-masing. Manakala, Jabatan Peguam Negara telah pun juga memfailkan Jawapan terhadap Pembelaan keempat-empat syarikat tersebut

berserta Affidavit Balasan berhubung dengan Notis Permohonan untuk Injunksi Interim.

4. Pada waktu yang sama, Kerajaan Negeri Kelantan dan agensi di bawah seliaannya telah memfailkan Notis Permohonan bagi membatalkan Writ Saman yang telah difailkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Peguam Negara dalam tindakan untuk memfailkan Affidavit Jawapan terhadap Notis Permohonan tersebut.
5. Mahkamah Tinggi Kota Bharu semasa pengurusan kes pada 27 Mac 2019 telah menetapkan 3 Jun 2019 bagi pendengaran Notis Permohonan untuk Injunksi Interim dan Notis Permohonan bagi membatalkan Writ Saman yang difailkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF

TARIKH : 08 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan bagi menyelesaikan masalah pekerja wanita Muslim seperti pramugari dan pekerja hotel yang dinafikan hak mereka untuk berpakaian patuh Syariah.

PN-1412- L04119

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menyelesaikan masalah pekerja wanita Muslim yang dinafikan hak mereka untuk berpakaian patuh syariah seperti pramugari dan pekerja hotel, satu peruntukan baharu berhubung diskriminasi akan diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia sedang memuktamadkan draf cadangan tersebut. Peruntukan khusus berkaitan diskriminasi ini dijangka akan mampu menangani isu-isu diskriminasi yang dibangkitkan di tempat kerja dengan lebih berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 8 APRIL 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 69

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini pembinaan dan spesifikasi loji insinerator “Waste to Energy” di Tanah Merah, Negeri Sembilan dan apakah impaknya kepada masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bersepadu Ladang Tanah Merah (TPSBLTM), Negeri Sembilan merupakan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dibina untuk merawat sisa pepejal daripada Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Port Dickson dengan kapasiti 1,000 tan sehari. Antara fasiliti yang dibina di TPSBLTM adalah fasiliti pengasingan sisa pepejal, *Fully Anaerobic Bioreactor System (FABIOS)* bagi merawat sisa organik dan loji *Waste-to-Energy (WtE)* iaitu loji rawatan termal bagi merawat sisa bukan organik. Proses rawatan sisa pepejal ini berupaya menjana tenaga elektrik berkapasiti 20MW sehari. Pembinaan TPSBLTM sedang dilaksanakan dan dijangka akan beroperasi pada bulan Jun 2019.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek TPSBLTM ini telah memperoleh kelulusan *Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)* daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk dibangunkan. Berdasarkan kelulusan tersebut, pihak syarikat yang dilantik hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan serta mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Di samping itu juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan *Key Performances Indicators (KPI)* yang perlu dipatuhi setiap bulan dalam memastikan fasiliti ini beroperasi dengan baik dan tidak mendatangkan impak negatif terhadap penduduk setempat dan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.